

MAJLIS MESUARAT NEGARA

**PENYATA RASMI (HANSARD)
MESUARAT PERTAMA
DARI MUSIM PERMESUARATAN KE-21**

[DRAF AWAL]

**HARI SABTU
14 RAMADAN 1446
BERSAMAAN 15 MAC 2025
(HARI KEDUA BELAS)**

[DRAF AWAL]
DEWAN MAJLIS

Hari Sabtu, 14 Ramadan 1446 / 15 Mac 2025

**YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA**

HADIR:

YANG DI-PERTUA:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, P.S.N.B., S.L.J., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI):**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, P.S.N.B., D.P.M.B., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, P.S.N.B., S.P.M.B., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, P.S.N.B., S.P.M.B., S.N.B., S.M.B., P.S.B., P.K.L., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, P.S.N.B., D.P.M.B., P.I.K.B., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, P.S.N.B., S.P.M.B., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, P.S.N.B., P.S.B., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, P.S.N.B., S.M.B., P.I.K.B., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, S.U.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck, P.S.B.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, P.I.K.B.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, S.M.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, S.N.B., S.M.B., P.I.K.B.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, S.M.B., P.S.B.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, P.I.K.B.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, P.I.K.B., P.K.L., Penghulu Mukim Lumapas -Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, P.K.L., Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, P.K.L., Ketua Kampung Lumapas 'B' – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, P.I.K.B., P.K.L., Ketua Kampung Belimbang – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, P.I.K.B., Penghulu Mukim Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, P.I.K.B., Penghulu Mukim Ukong – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L.P., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau – Daerah Temburong.

TIDAK HADIR:

Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam (Tidak hadir atas makluman kurang sihat).

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam (Tidak hadir atas urusan rasmi).

HADIR BERSAMA:

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Haji Mohammad Amalul Muttaqin bin Haji Ismail, Pemangku Penolong Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)

Yang Mulia Jurutulis: Bismillahir Rahmanir Rahim. Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari kedua belas, pada hari ini, Sabtu, 14 haribulan Ramadan 1446 Hijrah bersamaan 15 haribulan Mac 2025 Masihi, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

(Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Alhamdulillah, syukur kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya juga kita dapat bersama-sama berkumpul lagi pada pagi ini untuk bersidang bagi

hari kedua belas dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Sayyidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita akan memulakan persidangan hari ini dengan Urusan Mesyuarat seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Kenyataan Menteri.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya telah memberikan izin bagi Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk membuat kenyataan menteri yang bertajuk Komitmen Berterusan Dalam Memajukan Sektor Makanan dan Pelancongan. Saya persilakan menteri yang berkenaan itu.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Bismillahir Rahmanir Rahim. (*Doa dibaca*). Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terlebih dahulu kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebenaran yang diberikan kepada kaola untuk mengongsikan kenyataan bagi

menjawab sebahagian daripada pertanyaan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Dilantik.

Kenyataan kaola ini akan merangkumi isu-isu berkaitan yang mempunyai tema yang sama dan wajar dijelaskan secara keseluruhannya, secara menyeluruh. Kenyataan kaola ini akan menyentuh dua aspek utama iaitu strategi ke arah memajukan industri makanan dan seterusnya menjamin sekuriti makanan negara serta usaha dan inisiatif dalam mengembangmajukan industri pelancongan di negara ini.

Bagi memajukan industri makanan, iaitu sektor pertanian, perikanan dan agrimakanan di negara ini, pendekatan *whole-of-government approach* dan *whole-of-nation approach* diperlukan. Ini melibatkan kerjasama yang erat antara sektor kerajaan dan juga sektor swasta.

Syukur alhamdulillah, aspek-aspek ini turut dimuatkan dalam *Food Industry Roadmap* yang berfungsi sebagai panduan strategik dalam memacu pertumbuhan serta meningkatkan hasil sektor makanan, khususnya melalui pengeluaran dan produktiviti dalam industri primer, serta pemprosesan dan tambah nilai.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam rangka hala tuju pembangunan industri makanan dan mengukuhkan *food security*, kementerian ini telah mengenal pasti enam komoditi utama, beras, ayam, telur ayam, daging, sayur-sayuran

dan ikan. Peningkatan pengeluarannya diharap dapat memperkuatkan sara diri makanan negara, mengurangkan kebergantungan import, menstabilkan harga, memastikan bekalan mencukupi walaupun dalam krisis global serta merangsang pertumbuhan industri pertanian dan perikanan tempatan, yang menyumbang secara signifikan kepada KDNK negara.

Kuala seterusnya ingin mengongsikan mengenai pencapaian sara diri bagi enam komoditi tersebut dari keluaran industri pertanian dan perikanan yang secara purata bagi tiga tahun kebelakangan, iaitu 2022 hingga 2024 ini. Bagi sektor padi negara telah mencapai 8% sara diri, bagi telur ayam adalah 103%, bagi daging ayam adalah 100%, bagi daging lembu dan kerbau sekitar 2.3%, bagi sayur tropika sekitar 72% dan bagi ikan adalah sekitar 74%. Purata keluaran sektor makanan merangkumi pertanian dan perikanan meningkat sekitar 41% dalam tiga tahun kebelakangan ini. Dari 525 juta pada tahun 2017 kepada 742 juta setahun pada masa kini. Bagi tanggapan bahawa tahap sara diri beras tidak berkembang, Kuala ingin menjelaskan bahawa, ia sebenarnya telah meningkat dari 4.8% pada 2017 kepada purata 8% bagi tahun 2022/2024. Insya-Allah, dengan komitmen kementerian, pengusaha dan peladang, sasaran 12% dapat dicapai dalam masa beberapa tahun yang akan datang.

Kementerian melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan akan melaksanakan

tiga inisiatif utama dalam meningkatkan pengeluaran padi negara bagi mencapai sasaran tersebut. Pertama, menggalakkan penggunaan *variety* padi *hybrid* berhasil tinggi seperti padi *hybrid* Sembada 188 dan padi Yuan 158 yang boleh mencapai penghasilan lima ke tujuh metrik tan sehektar semusim. Kedua, menjalankan penyelidikan dan percubaan bagi kesesuaian *variety* padi baru di kawasan perairan dan juga kawasan yang tidak perairan; dan Ketiga, ialah meningkatkan kesuburan tanah melalui pertanian *regenerative* di samping memastikan pemeliharaan alam sekitar yang mampan dengan penggunaan baja kompos.

Dalam usaha mengukuhkan tahap *food security* negara, kementerian berdepan cabaran besar seperti tanah yang *acidic* dan terhad, perubahan cuaca yang sukar diramal, ancaman penyakit, serta cabaran dalam rampaian nilai ekosistem sektor makanan. Justeru itu, pencapaian tahap sara diri tidak boleh direalisasikan secara serta merta, sebaliknya memerlukan pendekatan strategik dan berterusan untuk menangani faktor-faktor ini secara sistematik dan mampan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Menyentuh pula mengenai usaha kementerian menarik penglibatan belia dalam sektor pertanian dan perikanan. Kementerian juga telah melaksanakan beberapa program yang memfokuskan kepada penglibatan belia dalam bidang pertanian dan perikanan. Program-program yang telah dilaksanakan termasuklah;

Pertama, Program Pendedahan Belia yang berpotensi untuk menceburi bidang pertanian berteknologi. Sebanyak 9 siri program telah dilaksanakan yang melibatkan secara keseluruhan seramai 166 orang belia. Kedua, Program Projek Rintis yang berbentuk percubaan dan berskala kecil. Seramai 44 pengusaha belia telah ditawarkan tapak terlibat dalam perusahaan pertanian dan 5 pengusaha belia terlibat dalam perusahaan perikanan. Ketiga, Program Penambahan Kawasan yang berbentuk penawaran tapak tambahan kepada peladang-peladang yang berjaya mengusahakan sepenuhnya tapak yang telah ditawarkan. Setakat ini sejumlah 16 orang belia dari Projek Rintis telah ditawarkan tapak tambahan dalam industri pertanian dan seorang belia dalam industri perikanan.

Keempat, Program Belia Berpadi, iaitu program anjuran bersama Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menggalakkan penglibatan belia dan dalam perusahaan penanaman padi. Pada masa ini, seramai 5 orang belia yang aktif berpadi di Kawasan Kemajuan Pertanian Wasan dengan tapak seluas 10 hektar. Manakala seorang belia yang aktif berpadi di Kawasan Kemajuan Pertanian Bebuloh dengan tapak keluasan 5 hektar; dan Kelima, Projek Agri Belia, iaitu inisiatif baru dengan kerjasama kementerian, institusi kewangan tempatan dan juga BEDB. Bertujuan memberi peluang kepada peladang muda untuk memulakan serta memastikan ketahanan perusahaan

mereka melalui sokongan kewangan. Program ini dijangka dilancarkan pada pertengahan tahun ini.

Selain belia, penglibatan anak kampung juga penting dalam meningkatkan pengeluaran sektor pertanian. Namun pencapaian ladang kelompok atau Kemajuan Pertanian Luar Bandar, KPLB masih kurang memberangsangkan dengan sebahagian tanah yang diperuntukkan kepada anak kampung tidak dimanfaatkan. Sehubungan dengan ini, kementerian kini sedang menilai semula inisiatif KPLB bagi memastikan ianya mencapai matlamat yang disasarkan. Bagi menyokong perusahaan agrimakanan, kementerian bersama BEDB telah melaksanakan Program *Capacity Enhancement* bagi MSME dalam sektor pemakanan. Program ini bertujuan memudahkan cara pertumbuhan syarikat agrimakanan khususnya peralihan dari operasi *home-based*, kepada premis pemprosesan yang lebih sesuai dan teratur dan memenuhi piawaian makanan. Daripada 14 syarikat yang menyertai program ini, 4 syarikat *home-based* telah ditawarkan untuk berpindah *dedicated premises*.

Dalam perkara ini, kementerian juga ingin merakamkan penghargaan terhadap cadangan Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee yang dikemukakan semasa perbahasan di peringkat Jawatankuasa bagi Tajuk di bawah Kementerian Pendidikan pada 13 Mac 2025. Cadangan tersebut berkaitan dengan sokongan bagi graduan tempatan untuk menceburi

bidang sains makanan dan permakanan, serta penyelidikan dan pembangunan dalam inovasi teknologi pemprosesan dan pembungkusan makanan yang dapat memberi manfaat dalam memajukan sektor industri agrimakanan di negara ini. Kementerian akan sentiasa bekerjasama dengan pihak Kementerian Pendidikan dan agensi-agensi berkenaan dalam usaha meningkatkan peluang pekerjaan bukan sekadar dalam sektor agrimakanan tapi juga dalam industri-industri lain yang bersangkut paut dalam bidang pertanian dan perikanan.

Ke arah meningkatkan lagi keluaran hasil komoditi pertanian dan perikanan ke tahap disasarkan, pihak kementerian sentiasa menggalakkan penggunaan teknologi-teknologi terkini, mudah dan mampu milik bukan sahaja untuk memenuhi keperluan tempatan malah untuk meneroka pasaran eksport. Antara teknologi teknik moden diguna pakai dalam aktiviti tanaman adalah seperti penanaman sayur menggunakan sistem *aquaponics*, penggunaan tenaga suria, sistem titis dan *vertical farming* dalam rumah terlindung. Sementara penggunaan teknologi *drone* bagi penyemburan racun dan pemantauan menggunakan *data analytics* di ladang-ladang padi; sistem bermeja yang sesuai untuk digunakan bagi kawasan yang mudah banjir, *Recirculating Aquaculture System* bagi penternakan ikan dan udang, dan sistem *Internet of Things* bagi pemantauan kualiti air.

Di samping menggalakkan penggunaan teknologi, kementerian juga berusaha untuk menarik penglibatan pelabur asing dan usahasama dalam melaksanakan aktiviti pertanian dan perikanan. Pada masa ini terdapat sebanyak 17 syarikat pelabur asing dan juga syarikat-syarikat usaha sama yang terlibat aktif dalam sektor perikanan dan pertanian.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Seterusnya kaola menyentuh mengenai usaha dalam meningkatkan lagi perkembangan di sektor pertanian dan perikanan selain dari memfokuskan meningkatkan penghasilan dalam, untuk pasaran negara, pihak kementerian juga menerokai peluang produk hasil tempatan untuk dikembangkan dan dipasarkan ke luar negeri seperti Republik Singapura, Republik Rakyat China, Hongkong, Indonesia, Sabah dan Sarawak Malaysia.

Sejak tahun 2022, kementerian menggiatkan usaha dalam meningkatkan *export drive initiative* bagi membantu pengusaha dan syarikat perusahaan mikro, kecil dan sederhana di negara ini dalam membangunkan pengusahaan masing-masing. Inisiatif-inisiatif ini jua dilaksanakan dengan mengukuhkan peranan *Food Competent Authorities* untuk mendapatkan pengiktirafan dan akreditasi dari negara pengimport melalui pengukuhan akta-akta yang berkenaan dan aktiviti-aktiviti kawal sedia, penaiktarafan makmal bagi mencapai *international standard*,

meningkatkan kompetensi *key personnel* bagi perkhidmatan makmal dan kapasiti makmal dipertingkatkan antaranya melalui pengukuhan *lab testing*.

Selain itu juga, usaha dalam meningkatkan kapasiti pengeluaran pengusaha dan juga pengusaha pematuhan piaian, *standard* yang berkenaan telah dilaksanakan seperti *good Brunei Good Agriculture Practice* dan *HACCP*. Pematuhan yang ketat oleh semua syarikat termasuk *MSME's* terhadap piaian, *standard* berkaitan biosekuriti, ladang bertujuan untuk memastikan aktiviti-aktiviti pertanian dan perikanan mengeluarkan hasil yang berkualiti dan selamat untuk di makan. Dengan melaksanakan inisiatif-inisiatif ini, pengusaha-pengusaha tempatan diharap dapat meningkatkan pengeluaran mereka dengan tujuan untuk mengurangkan kos penghasilan serta mengurangkan kos bahan mentah bagi syarikat pemprosesan.

Seperti yang telah diutarakan semasa sesi pertanyaan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, Kementerian ini secara berterusan akan berunding dengan agensi-agensi kawal selia berkenaan dengan mencari jalan penyelesaian untuk membantu pihak *MSME's* mengurangkan beban kos yang dihadapi bagi mematuhi piaian, *standard* di samping masih dapat memenuhi keperluan yang dipersyaratkan. Hasil dari perundingan-perundingan bersama agensi-agensi kawal sedia berkenaan, beberapa inisiatif dilaksanakan bagi

memudahkan para pengusaha *MSME's* di sektor pertanian dan juga perikanan, mengurangkan kos permulaan operasi ladang dan pada masa yang sama mematuhi piaian yang ditetapkan.

Antaranya seperti; Pertama, pengecualian kebenaran perancangan, *TCP* untuk pembinaan rumah semaihan, *greenhouse* dan *pre-approve standard design* bagi rumah pekerja, rumah pam, ofis ladang dan stor. Kedua, pengecualian *ABCi* untuk Kebenaran Kemajuan, Yuran Kemajuan bagi pelan bangunan, *standard design*, Permit Kebenaran Memulakan Kemajuan dan Sijil *Occupational Permit, OP*, khususnya bagi pembinaan rumah semaihan, *greenhouse* dan *pre-approved standard design* bagi rumah pekerja, rumah *farm*, *office* ladang dan stor. Ketiga, pengecualian *DES* dan *DWS* bagi keperluan mendapatkan Sijil OP bagi pemasangan utiliti elektrik dan air.

Keempat, pengecualian oleh SHENA bagi syarikat *MSME*, kurang 100 orang pekerja, melantik Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja, di bawah Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja 2014. Kelima, cadangan standard skop kerja *Environmental Impact Assessment, EIA* bagi aktiviti akuakultur berdasarkan kepada keluasan tapak dan juga Kawasan. Keenam, pengecualian melaksanakan *Environmental Baseline Study, EBS* dan *EIA* untuk tapak-tapak perikanan baharu di kawasan persisiran dan luar pantai dan pengusaha hanya perlu menghadapkan *Written Notification*

bersama *Environmental Management and Monitoring Plan* bagi pemantauan JASTRe.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Fokus seterusnya ialah mendukung kemajuan industri pelancongan melalui Pelan Hala Tuju Industri Pelancongan, yang bertujuan meningkatkan ketibaan pelancong dan mempromosikan Brunei Darussalam sebagai destinasi yang terkenal dengan ketenangan dan keamanan di Asia Tenggara. Kementerian akan terus menekankan usaha membangun, mempelbagai, mengukuhkan dan mempromosikan produk pelancongan berteraskan *culture, nature* dan *adventure*.

Dari segi promosi dan pemasaran, beberapa inisiatif projek dan acara telah diungkayahkan oleh kementerian ini sepanjang tahun 2024. Pertama, mengenal pasti enam pasaran sasaran baru untuk mempromosikan dan menarik pelancong ke negara ini termasuk Dubai, Indonesia, United Kingdom, Taiwan, Thailand dan juga Republik Sosialis Vietnam. Kedua, menyertai tiga pameran dan ekspo dan mengadakan empat sesi *networking* di luar negara seperti Republik Korea, Republik Singapura dan Jepun serta Republik Indonesia dan baru-baru ini mengadakan jerayawara di kota Miri, Sarawak bagi mempromosikan *Brunei Coffee Trail*.

Ketiga, memanfaatkan pemasaran melalui *Sosial Media Influencers* yang

mana sebanyak 18 *influencers* telah dijemput bagi mempromosikan negara ini sebagai destinasi pelancongan kepada audiens sasaran masing-masing. *Influencer-influencer* ani adalah dari *international*. Keempat, seterusnya, 12 lawatan suaikenal ejen pelancongan dari negara Jepun, United Kingdom, Republik Singapura, Dubai, Taiwan dan lain-lain juga telah dijalankan dalam mempromosikan produk pelancongan yang khusus seperti pelancongan Pendidikan, Islamik, *Birdwatching* dan *Diving*; dan Kelima, bekerjasama dengan *Online Travel Agencies* seperti *TripAdvisor*, *Expedia* dan *Agoda* sebagai platform mengadakan kempen pemasaran bagi membolehkan pelanggan membuat tempahan secara *online* dan sehingga kini telah mencapai tempahan \$240,000 secara keseluruhan.

Dari segi pembangunan produk, kementerian ini telah mengambil inisiatif meningkatkan daya tarik dan kepelbagaiannya produk pelancongan melalui Direktori Produk Pelancongan Dalam Talian iaitu *ExploreBrunei*. Direktori ini membantu ejen pelancongan, membangunkan pakej pelancongan dengan 668 *activities* disenaraikan dalam *ExploreBrunei*. Antara pakej yang ditawarkan termasuk *Tutong River Safari*, *Labi Exploration*, *Brunei Heritage Trail* dan *Temburong Destination Package*. Kementerian turut melaksanakan *Program Tourism Service Providers Enhancement* dan Bengkel Pembangunan Pakej Pelancongan melibatkan 38 pengusaha tempatan. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan nilai

produk pelancongan serta menyediakan sumber untuk menambahbaikkan pakej-pakej pelancongan.

Selain itu, kementerian terus bekerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri termasuk menggalakkan Majlis Perundingan Kampung-Majlis Perundingan Kampung untuk mengemas kini maklumat mengenai produk dan aktiviti berpotensi bagi kampung-kampung mereka untuk dipromosi kepada pelancong. Dalam usaha untuk mengukuhkan lagi sektor pelancongan Negara Brunei Darussalam, Kementerian ini juga telah merangka beberapa perancangan strategik untuk memajukan Industri Pelancongan Islamik dan Pelancongan Pendidikan.

Bagi menyokong perkembangan Pelancongan Islamik, pelbagai pakej tawaran termasuk lawatan ke Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Jame 'Asr Hassaniil Bolkiah dan Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah diadakan. Pakej ini turut merangkumi *Masjid Tour*, pengalaman Ramadan dengan *iftar* bersama di masjid-masjid utama serta penyertaan dalam Majlis Sambutan Maulud Nabi dan juga tradisi Islam tempatan.

Manakala dari segi Pelancongan Pendidikan pula, antara usaha yang sedang dijalankan adalah memperkuatkan kerjasama dengan universiti-universiti antarabangsa dan tempatan bagi menarik lebih ramai pelajar dan penyelidik untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai

destinasi pendidikan yang unik seperti; Pertama, menawarkan pengalaman pembelajaran mendalam dalam memperkenalkan biodiversiti, warisan budaya dan pembangunan mampu melalui lawatan kajian terancang serta bengkel bertema, termasuk hutan hujan, seni tradisional dan budaya Islam. Kedua, program pendidikan seperti pembelajaran Bahasa Inggeris dan kemusim panas termasuk AU *UBD AUN Summer Camp 2024*, UTB *Odyssey* serta program Sekolah Perubatan Musim Panas Antarabangsa Ke-14, yang mana menarik minat pelajar antarabangsa. Faktor utama daya tarikan ini adalah persekitaran aman, selamat dan hijau menjadikan Brunei Darussalam destinasi pilihan di rantau ini. Ketiga, ialah program pertukaran pelajar dengan negara-negara seperti Republik Singapura, Jepun dan lain-lain. Keempat, lawatan suai kenal bagi institusi-institusi pendidikan seperti dari Jepun yang bertujuan untuk menarik lebih ramai lagi penuntut Jepun ke negara ini.

Seterusnya, seperti yang kaola nyatakan di dalam sesi pertanyaan sebelum ini. Dalam usaha meningkatkan usaha kapasiti dan kualiti perkhidmatan dalam sektor perhospitaliti dan perkhidmatan yang disediakan untuk para pengunjung dan pelawat. Kementerian telah melaksanakan pelbagai program dan kursus latihan yang melibatkan untuk golongan belia dan *Competency Framework* dan *Career Pathways* telah pun dirancang, dirangka di bawah *Manpower Industry Steering Committee*

for Hospitality and Tourism termasuk bagi jawatan receptionist, room attendant, public area cleaner, bartender, waiter, waitress, kitchen helper, Commis Chef, tourist guides dan travel consultant dan berapa buah *Competency Framework* dan *Career Pathway* masih lagi dalam penyediaan.

Di samping itu, kementerian ini juga akan terus memberi sokongan melalui penyediaan peruntukan bagi menyediakan dan menambah baik infrastruktur dan kemudahan asas khususnya di destinasi-destinasi pelancongan melalui projek-projek Rancangan Kemajuan Negara dan projek *Public Private Partnership* seperti di jeti-jeti di Sungai Brunei, Sungai Tutong, di taman-taman rekreasi hutan, pemasangan tanda papan-papan tanda, maklumat di destinasi pelancongan dan papan tanda di lebuh raya serta di jalan raya kampung-kampung. Ini adalah bagi memastikan pengalaman yang selesa dan selamat bagi pelancong-pelancong.

Dengan adanya penyediaan dan penambahbaikan ini, kementerian juga menggalakkan pihak MPK dan MPM untuk merebut peluang keusahawanan keusahawanan terutama tempat-tempat yang sering mendapat kunjungan pelancong dengan menyediakan pelbagai perkhidmatan dan produk berkaitan pelancongan seperti penjualan cenderamata, makanan dan minuman. Khususnya golongan muda digalakkan untuk lebih inovatif dalam menawarkan idea-idea baharu. Sebagai contoh, peningkatan bilangan pelancong di

Luagan Lalak bagi peluang kepada masyarakat setempat untuk mempromosikan produk tempatan seperti jus Limau Labi yang boleh dipasarkan sebagai cenderamata dalam bentuk produk hiliran.

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Secara kesimpulannya, kementerian akan terus komited dalam usaha meningkatkan hasil pengeluaran dari sektor pertanian dan perikanan serta sektor pelancongan disamping memelihara alam sekitar bagi memastikan pembangunan dan pemeliharaan hutan.

Kerjasama dari pihak-pihak berkepentingan, pihak swasta dan masyarakat juga diperlukan dan akan terus dilaksanakan sejajar dengan pendekatan *Whole-of-government* dan *Whole of Nation* bagi mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Seterusnya, menyumbangkan kepada pertumbuhan keluaran dalam negara kasar termasuk meningkatkan peluang-peluang pekerjaan di sektor-sektor berkenaan.

Sekian. Wabillahi taufik walhidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Terima kasih Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Sekarang kita beralih kepada Urusan Mesyuarat seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Rang Undang-Undang dan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan. Perbahasan Peringkat Jawatankuasa.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang 2025 Perbekalan, 2025/2026 dan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan. Sekarang saya tangguhkan Persidangan ini, dan kita seterusnya akan bersidang di Peringkat Jawatankuasa.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Rang Undang-Undang dan Usul sekarang akan dibincangkan di Peringkat Jawatankuasa dan kita akan menyambung penelitian ke atas Tajuk-Tajuk seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Tajuk SJ01A. Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tajuk Kementerian Hal Ehwal Ugama sekarang saya bukakan untuk dibahaskan. Terdapat tujuh belas orang Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam membahaskan Tajuk ini.

Saya akan membacakan nama, enam orang yang dalam kumpulan yang pertama dan kemudiannya diikuti

dengan enam orang lagi dari kumpulan yang kedua dan seterusnya, lima dari kumpulan yang ketiga.

Dalam kumpulan yang pertama, saya akan mempersilakan bagi kumpulan ini dimulakan dengan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, diikuti dengan Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, Yang Berhormat Awang Lau How Teck, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed. Saya persilakan Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim: Bismillahir Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Dalam Belanjawan 2025/2026, Kementerian Hal Ehwal Ugama pada keseluruhannya telah diberikan pertambahan dalam perbelanjaan biasa berjumlah \$9.5 juta. Pertambahan yang terbesar ialah dalam Kod 005/000 Pemeliharaan, Promosi Akal yang meningkat kira-kira \$5.5 juta Pengajian Islam. Ke arah itu kaola mohon pencerahan apakah program-program spesifik yang dirancang dalam Tajuk ini dan apakah hasil atau pun *intended*

output yang akan dapat dicapai dari pertambahan peruntukan ini.

Kedua, ada kaitan dengan objektif program 003/000 Mempromosikan Sijil dan Label Halal MUIB ke peringkat antarabangsa. Seperti laporan terkini pasaran Islam global dijangka meningkat dari USD2.8 trilion pada tahun 2025 ini kepada USD5 trilion pada tahun 2030. Dari jumlah ini pasaran atau pun *market share* bagi industri makanan halal ialah kira-kira 31.5%. Dari itu sebagai pemangkin perkembangan produk-produk halal negara, kaola memohon pencerahan mengenai langkah-langkah strategik kementerian untuk menggunakan kelebihan negara atau pun *niche* dalam bidang halal ini pada menambah penglibatan dan sumbangan dalam pengeluaran dan pemasaran produk-produk halal negara termasuk jua strategi dalam mempromosi *brand* halal negara di dalam dan di luar negara.

Ketiga, kaola membangkitkan perkara ini berdasarkan maklum balas orang ramai yang kaola rasa ada kaitannya dengan Akaun 2113 Acara Kebangsaan dan Penyertaan Antarabangsa, iaitu berkaitan dengan usaha meningkatkan prestij negara dalam Musabaqah Tilawah al-Quran. Sebagai dimaklumi Musabaqah Tilawah Al-Quran bukan sekadar pertandingan tetapi juga platform untuk meningkatkan kemahiran qari dan qariah negara. Selain itu musabaqah juga merupakan salah satu elemen penting dalam mengangkat nama negara di pentas antarabangsa.

Kejayaan dalam satu-satu musabaqah bukan saja membuktikan keupayaan qari dan qariah itu sendiri malah lebih dari itu ianya dapat memperkuatkan reputasi negara dalam bidang pengajian dan penghayatan al-Quran dan dalam waktu yang sama sebagai usaha meningkatkan syiar Islam. Alhamdulillah, kita bersyukur yang negara telah pun mempunyai qari dan qariah yang mahir dan berkebolehan serta pernah menyandang sebagai juara di peringkat antarabangsa. Namun di kebelakangan ini persaingan adalah semakin sengit dan hebat. Alhamdulillah, walaupun peserta negara sering berada di dalam lima kelompok terbaik, *top 5* di peringkat antarabangsa namun mereka masih perlu meningkatkan daya saing untuk mencapai kedudukan tiga terbaik, *top 3*. Oleh itu amat penting bagi negara untuk memastikan qari qariah kita menerima latihan yang lebih berstruktur, sistemik dan intensif bagi mencapai tahap kecemerlangan yang lebih tinggi.

Dari maklum balas yang kaola terima antara cadangan dan saranan yang berpotensi untuk dipertimbangkan antaranya termasuklah; Pertama, bagi penubuhan Akademi Taranum Al-Quran Brunei atau apa jua nama yang bersesuaian yang pentingnya akademi ini akan menyediakan modul latihan yang sistematik dan menjemput pakar-pakar antarabangsa. Kedua, dengan mengadakan kursus intensif bersama pakar bagi memberikan pendedahan kepada teknik bacaan dari pelbagai negara; dan Ketiga, mengadakan latihan berterusan dan pemantauan prestasi dengan mengadakan sesi latihan berkala

dan menyeluruh dan yang paling utama sokongan kerajaan atau pihak berkepentingan bagi menyediakan dana dan mewujudkan entiti khas untuk memperkasa tilawah. Ke arah itu, kaola memohon pencerahan adakah perancangan kementerian untuk melaksanakan program atau pun inisiatif seumpamanya yang kaola sebutkan tadi atau pun bercadang mengadaptasikan apa juar program yang bersesuaian sebagai sebahagian dari penyelesaian terhadap perkara yang kaola bangkitkan ini dan yang terakhir ini juga adalah hajat daripada orang ramai yang mengharapkan kaola menyampaikan untuk sebarang tindakan.

Dalam konteks belanjawan ini, kaola rasa ianya bertepatan dengan Akaun 2106 Penyelenggaraan dan Pembaikan, iaitu isu tanah perkuburan. Sebagaimana dimaklumi tanah perkuburan Islam yang bukan saja menjadi pilihan utama keluarga orang yang meninggal dunia tetapi merupakan perkuburan publik orang ramai dan mudah diziarahi seperti Tanah Perkuburan Islam Jame' Asr dan Tanah Perkuburan Islam Kampung Pulaie nampaknya sudah pun penuh. Tanah Perkuburan Islam Kampung Pulaie misalnya boleh dikatakan paling penuh sesak dan sudah tiada mempunyai ruang. Ke arah itu bagi menangani kesesakan ini adalah dicadangkan supaya tanah-tanah perkuburan Islam yang baru yang mudah dikunjungi, bersistematis dan teratur untuk dibuka.

Kalau boleh dicadangkan supaya tanah perkuburan baru ini dibuka di setiap

kawasan yang ramai penduduk seperti Rancangan Perumahan Negara dan lain-lain kawasan yang difikirkan bersesuaian. Dalam pada itu, ada juga kawasan perkuburan perlu diperluaskan dan jalan akses kawasan perkuburan perlu diperbaiki. Kalau tidak menjadi masalah dari segi hukum di samping air paip yang sudah tersedia ada, mungkin dibina tandas yang bersesuaian berhampiran kawasan perkuburan ini untuk kemudahan orang ramai.

Terima kasih Yang Berhormat Pehin. Kaola minta maaf nampaknya lebih *almost* seminit. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin:
Bismillahir Rahmanir Rahim.
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih Yang Di-Pertua. Kaola ada beberapa soalan tentang petunjuk prestasi yang dikemukakan oleh beberapa jabatan dalam Kementerian. Pertama, Petunjuk Prestasi Utama kelulusan sijil halal bagi premis perniagaan, iaitu 300 sijil di sasaran; dan Kedua, kelulusan permit halal bagi produk, 270 produk sasaran setiap tahun. Apakah mekanisme pemantauan dan penilaian yang digunakan untuk mengukur keberkesanan proses mengeluarkan sijil halal dan permit halal? Petunjuk prestasi bagi sijil halal dan permit halal hanya menunjukkan jumlah kelulusan, iaitu *equivalent* pada 1 ke 2 sijil lulus bagi premis perniagaan 300 sijil dan 1 ke 2 produk diluluskan

setiap hari kerja. Tidak dinyatakan berapa banyak permohonan premis atau produk yang dipohon sijil dan permit halal setahun.

Mungkin kaola berpendapat lebih bermakna jika *KPI percentage* jumlah keseluruhan permohonan sijil dan permit yang dipohon dan diluluskan pada setiap tahun dalam tempoh masa TPOR ini lebih memberi pandangan, gambaran yang lebih tepat. Kaola berpandangan juga aktiviti-aktiviti pemantauan, iaitu kekerapan *compliance check* memastikan bukan saja premis makanan tapi juga pembekal daging, produk-produk makanan dan barang-barang yang digunakan oleh orang Islam suci dan tiada syak wasangka. Kaola cendangkan KPI untuk pemantauan diserapkan sebagai prestasi utama juga.

Nombor dua, 1204 RKN di mana 12 masjid insya-Allah akan dibina dengan RKN12, \$64.3 juta dan merujuk kepada kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa ada kutipan \$25 juta sumbangan rakyat dana setakat ini cukup untuk membina 5 buah masjid yang berlainan yang bukan di antara yang telah tersenarai dalam RKN. Jadinya, jumlah kesemua adalah 17 buah masjid yang akan dibina atau rancang dibina dalam 4 ke 5 tahun, iaitu 2 ke 3 buah masjid setahun. Bagaimanakah pihak kementerian akan memantau serta menyelaraskan integrasi pelaksanaan pembinaan masjid di bawah RKN dan tabung dana dan apakah projek-projek ini akan diselenggarakan secara berperingkat dan apakah *mechanism*

yang digunakan untuk memastikan setiap fasa pembinaan berjalan lancar serta mengikut perancangan yang ditetapkan.

Selain itu, dalam aspek reka bentuk masjid-masjid baru itu kaola berharapan bahawa langkah-langkah untuk memastikan yang lebih inklusif khususnya dari segi keselamatan dan *accessibility* dan mesra bagi Orang Kurang Upaya, keluarga serta wanita dimasukkan dalam *design*nya dan juga sementara masjid-masjid itu sedang dibina, apakah langkah-langkah awal yang boleh diungkayahkan oleh kementerian untuk menggalakkan orang awam setempat berwakaf bagi menyediakan peralatan atau kelengkapan masjid.

Ketiga, pengurusan memelihara ugama, pengurusan jenazah. Kaola sampaikan makluman balas dari pihak orang ramai tentang trend yang sekarang yang untuk mempercepatkan pengurusan jenazah walaupun di luar sehari hingga ke malam. Tiada masalah dalam pengurusan jenazah lelaki tetapi untuk jenazah wanita diketahui penggapai wanita atau pun pengurus jenazah mesti membuat laporan ke opis dulu waktu siang baru dapat datang untuk mengurus jenazah, tidak dapat di uruskan diluar waktu siang. Bagaimanakah kementerian akan dapat menolong mengatasi kekurangan penggapai wanita di masjid-masjid sepertinya di masjid Kuala Belait? Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Awang Mohammad

Ali bin Tanjong: Bismillahir Rahamanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sebenarnya kaola ada menyuarakan dua isu, walau bagaimanapun isu-isu berkenaan telahpun dibangkitkan oleh kedua-dua ahli rakan maka kaola tidak akan mempersoalkannya lagi. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Dayang Hajah

Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam:

Bismillahir Rahamanir Rahim, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola ada beberapa soalan berkaitan dengan Kod 003/001 Pemeliharaan Promosi Nyawa dan Keturunan dengan peruntukan sebanyak \$248 ribu. Merujuk kepada prestasi Petunjuk Prestasi Utama bagi kod ini iaitu jumlah kes baru jenayah syariah yang direkodkan setiap tahun. Kaola mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama mengenai faktor-faktor yang mendorong kepada pihak kementerian menetapkan sasaran yang lebih tinggi dengan anggaran peningkatan kes jenayah syariah kepada 350 kes setiap tahun bagi tempoh Tahun Kewangan 2024 sehingga 2028. Iaitu jauh lebih tinggi berbanding jumlah sebenar 160 kes yang di laporkan pada Tahun Kewangan 2023/2024.

Apakah asas dan pertimbangan strategik yang digunakan dalam penetapan sasaran ini. Apakah juga pengajaran utama yang diperoleh daripada kes-kes

jenayah syariah yang telah dihadapkan ke mahkamah. Bagaimakah pengalaman dan pengajaran ini dapat dimanfaatkan untuk memperkuuh perlaksanaan inisiatif pemantauan dan pencegahan awal, agar sasaran pemantauan dan pencegahan yang ditetapkan bukan sahaja dapat dicapai tetapi juga berkesan dalam mengurangkan risiko peningkatan jenayah syariah di masa akan datang?

Seterusnya kaola akan, kaola merujuk Kod 003/006 berkaitan Perkhidmatan dan Penguatkuasaan dengan perbelanjaan bagi Tahun 2025/2026 sebanyak \$236 ribu. Kaola merujuk maklum balas Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada hari Khamis, 13 Mac 2025 yang lalu, mengenai peningkatan kes HIV yang amat membimbangkan di negara ini dalam tempoh 5 tahun kebelakangan daripada 2019 hingga 2023. Majoriti kes baru menurut Yang Berhormat Menteri iaitu antara 91 hingga 98% melibatkan pesakit lelaki dan berpunca daripada pengamalan hubungan sejenis. Peningkatan kes ini menunjukkan amalan berisiko termasuk pengamalan hubungan sejenis yang semakin meningkat di negara ini dan memerlukan perhatian serius.

Sebagai Negara Zikir yang berpegang teguh kepada konsep Melayu Islam Beraja, isu sosial ini mestilah ditangani secara holistik dan bersepadu antara semua pihak berkepentingan. Tindakan proaktif amat penting untuk memastikan keselamatan masyarakat kualiti kehidupan, pemeliharaan keturunan dan

kesejahteraan khususnya generasi muda kita terpelihara. Sehubungan dengan itu kaola mohon pencerahan, apakah langkah-langkah strategik dan pendekatan khusus yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk menangani isu sosial ini dengan lebih berkesan dan tegas melalui penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah?

Sebagai langkah pencegahan, apakah inisiatif kementerian untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman orang awam mengenai risiko tinggi jenayah ini bagi menghentikan penularan amalan yang tidak sihat ini. Bagaimanakah kementerian memastikan semua pihak termasuk para ibu bapa, kejiranan kampong, komuniti dan persatuan *NGO* merasakan tanggungjawab bersama dalam mengawasi serta membimbing aktiviti anak-anak, serta belia dipersekutaran mereka?

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck: Yang Berhormat Pengerusi, dalam membahaskan peruntukan bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kaola ingin memberi tumpuan kepada kepentingan pengukuhan ekosistem halal negara, khususnya dalam sektor pemakanan dan barang halal serta peranan institusi pendidikan dalam memperkasa pendidikan dan inovasi halal.

Kedua aspek ini saling melengkapi dengan pensijilan dan memantapkan halal memerlukan penyelidikan berterusan serta tenaga pakar bagi memastikan pemantauan pematuhan standard halal terus berkembang seiring dengan perubahan industri.

Kaola mendapati bahawa Kod 003/006 Pemakanan dan Barang Halal. Tiada peruntukan yang diberikan untuk Tahun 2025/ 2026. Tahun sebelumnya kod ini menerima peruntukan \$3.9 juta. Oleh itu kaola ingin memohon penjelasan mengenai rasional ketiadan peruntukan ini. Adakah disebabkan pemindahan perbelanjaan kepada kod lain ataupun terdapat strategi baharu dalam pengurusan halal yang tidak lagi memerlukan peruntukan khusus.

Sektor pensijilan halal bukan saja melibatkan pemantauan makanan yang dipasarkan tetapi juga keseluruhan rantaian bekalan daripada ladang ke produk akhir. Jika kita lihat pada skop yang lebih luas, sektor pertanian, penternakan dan pemprosesan makanan adalah asas utama bagi Industri Halal Brunei. Dalam konteks ini, kesediaan peruntukan yang mencukupi adalah penting bagi memastikan pematuhan halal di setiap peringkat pengeluaran makanan bukan hanya dalam produk akhir.

Berdasarkan Kod 005/000 Pemeliharaan Promosi Akal, yang diperuntukkan untuk sektor Pendidikan Ugama termasuk Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dan Institut Tahfiz Al-Quran

Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Dalam hal ini, kaola melihat potensi besar untuk institusi-institusi ini memainkan peranan lebih aktif dalam penyelidikan halal. Teknologi halal dalam pertanian dan pemprosesan makanan adalah bidang yang semakin berkembang merangkumi kajian proses penyembelihan yang lebih efisien, pembangunan alternatif bahan halal dan pemprosesan makanan serta pembangunan teknologi halal yang dapat meningkatkan daya saing produk tempatan di pasaran antarabangsa.

Kaola berpandangan bahawa usaha memperkasa ekosistem halal Brunei boleh diperkuuh dengan manfaat dana secara lebih fokus kepada perkembangan Industri Halal terutama dalam sektor pertanian dan pemprosesan makanan. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola ingin membahaskan Tajuk SJ01A Kementerian Hal Ehwal Ugama khususnya berkaitan dengan Kod 001-002 Pengurusan Haji. Seperti yang telah dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama sistem pendaftaran haji secara dalam talian melalui aplikasi BruHaj telah diperkenalkan bagi memudahkan rakyat dan penduduk mendaftar tanpa perlu hadir secara fizikal. Langkah ini adalah salah satu inisiatif positif ke arah pendigitalan pengurusan haji sejajar dengan keperluan mempercepatkan

proses dan mengurangkan kebergantungan kepada kaedah tradisional.

Kaola menyambut baik usaha ini dan ingin mencadangkan bagi sistem ini boleh terus diperkuuhkan agar lebih komprehensif dan responsif kepada keperluan bakal jemaah. Sebagai contoh, aplikasi BruHaj boleh menyediakan kemaskini giliran secara otomatik dengan anggaran tahun keberangkatan yang lebih jelas termasuk notifikasi jika terdapat perubahan dalam sistem penggiliran. Ianya akan memberi lebih kepastian kepada bakal jemaah dan memudahkan mereka dalam merancang perjalanan dan persiapan mereka lebih awal.

Selain itu, sistem BruHaj juga boleh dilengkapi dengan kalkulator perbelanjaan dan anggaran simpanan bulanan bagi membantu bakal jemaah merancang kewangan mereka secara lebih tersusun. Ini penting kerana kos haji merupakan satu perbelanjaan besar dan dengan adanya alat perancangan kewangan dalam sistem ini, bakal jemaah boleh menyesuaikan tabungan mereka dengan lebih efektif berdasarkan anggaran perbelanjaan yang dikemas kini.

Seterusnya, sistem ini juga boleh dimanfaatkan sebagai platform bimbingan haji secara dalam talian. Di mana bakal jemaah boleh mengakses panduan interaktif sebelum menghadiri sesi bimbingan fizikal. Pendekatan ini bukan saja meningkatkan pemahaman

bakal jemaah tetapi juga membolehkan mereka menerima bimbingan secara lebih fleksibel. Terutama bagi mereka yang mempunyai kekangan masa atau tinggal di kawasan yang jauh dari Pusat Bimbingan Haji.

Dalam aspek kos dan pakej haji, kaola mengambil maklum bahawa kenaikan 7 ke 8% dalam kos pakej tahunan ini berpunca daripada faktor penginapan dan makanan. Kaola turut menghargai usaha kementerian melalui pembentukan Jawatankuasa *Ad Hoc* bagi meneliti struktur harga dan mencari penyelesaian terhadap kenaikan ini.

Sebagai tambahan kepada langkah tersebut, kaola ingin mencadangkan agar penyelidikan lebih mendalam dilakukan terhadap pilihan penginapan yang lebih fleksibel seperti pakej penginapan berperingkat yang membolehkan jemaah memilih lokasi berdasarkan bajet mereka. Dengan adanya pilihan ini, bakal jemaah boleh menyesuaikan perbelanjaan mereka tanpa menjaskannya kualiti pengalaman ibadah haji.

Di samping itu, kaola berpandangan bahawa perlu ada usaha lebih strategik dalam memperkuuh kerjasama dengan penyedia perkhidmatan di Mekah dan Madinah bagi memastikan kos perkhidmatan lebih stabil dan kompetitif. Jika terdapat rundingan awal dan perjanjian jangka panjang dengan syarikat perhotelan serta katering di Tanah Suci, kerajaan mungkin boleh mendapatkan kadar yang lebih baik untuk jemaah sekali gus membantu

mengawal kenaikan kos pada masa hadapan.

Kaola juga ingin mencadangkan agar satu kaji selidik terhadap jemaah haji terdahulu dijalankan secara berkala untuk mendapatkan maklum balas berkaitan perkhidmatan dan keutamaan mereka. Maklum balas ini boleh dijadikan rujukan untuk merangkap pakej haji yang lebih strategik selaras dengan keperluan dan jangkaan bakal jemaah. Dengan pemantapan sistem pendaftaran, penyesuaian pakej penginapan serta rundingan yang lebih strategik dalam kawalan kos, kaola yakin bahawa pengurusan haji negara dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih efisien, mampan dan mesra jemaah. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi:

Kumpulan yang kedua pula akan diikuti dan saya akan memulakan dengan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub dan Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan

Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia

Haji Md. Yusof: Bismillahir Rahamanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola ingin merujuk Kod 002/000 Pemeliharaan Promosi Ugama. Objektif program ini, antara lainnya adalah memastikan penyebaran dakwah syiar Islam yang berkesan dengan memperkasakan budaya dan amalan penghayatan berugama sebagai cara hidup yang lengkap dan sempurna ke arah kehidupan cemerlang duniawi dan ukhrawi selaras dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah. Dengan berkat kebijaksanaan, kewibawaan dan keprihatinan yang mendalam dalam hal ehwal ugama di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam telah berjaya menghasilkan semakin bertambah bilangan huffaz-huffaz, penghafal al-Quran dari setahun ke setahun malahan ada daripada mereka ini telah mencapai ke tahap persada antarabangsa yang mengharumkan Negara Brunei Darussalam.

Alhamdulillah, kita juga bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, di negara ini telah juga mewujudkan program-program *Tadabbur al-Quran* yang diungkayahkan oleh institusi pengajian tinggi seperti Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dan

Universiti Brunei Darussalam. Bertujuan membimbing masyarakat, awam dan memberikan kefahaman dan penghayatan kepada Al-Quran melalui rujukan kitab-kitab tafsir yang muktabar. Ini juga selaras dengan mewujudkan Negara Zikir dan rakyat celik al-Quran sepetimana hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kaola ingin memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Antarabangsa bagi Tahun 1443 Hijrah/2022 Masihi. Antara lain baginda bertitah:-

“...mendampingi al-Quran bererti membaca dan beramal dengan ajaran-ajarannya. Ia adalah satu usaha yang dijamin dapat meraih keselamatan. Seyogia pihak yang mencipta tema ini akan dapat menghurai dan memahamkan perkara ini kepada umum untuk dihayati bukan setakat mengungkapkan di atas kertas sahaja.”

Dalam kita bersama-sama menanai dan menjunjung setinggi-tingginya titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tersebut, kaola memohon pencerahan sama ada perancangan untuk melaksanakan Program *Tadabbur Al-Quran* ini, pada masa ini, dapat dikembangmajukan dan dimartabatkan dan dinaikkan untuk dilaratkan sehingga diadakan

ke Peringkat Diploma dan seterusnya ke Peringkat Ijazah di institusi-institusi pengajian tinggi yang bersesuaian di negara ini sehingga kita berjaya menghasilkan ramai-ramai lagi pakar-pakar yang berkemahiran dalam jurusan ini dalam kalangan anak-anak tempatan.

Ini adalah juga semata-mata untuk merungkaikan kefahaman akan isi kandungan al-Quran tersebut yang tersirat dan yang tersurat dalam kitab suci al-Quran dengan mendalam bukan sahaja dalam kalangan akademi atau asat Zah malahan juga dapat diperluaskan pengetahuan tersebut kepada masyarakat umum. Insya-Allah dengan pendekatan sedemikian Negara Brunei Darussalam akan terus dilimpahi rahmat, maghfirah, dan keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala dan seterusnya menyerlahkan lagi syiar Islam di negara ini.

Keduanya, kaola ingin merujuk kepada Tajuk di bawah Kod 003/000 Promosi Nyawa dan Keturunan. Agensi-agensi penguatkuasaan berperanan penting dalam bersama-sama menjaga dan memelihara kesejahteraan, keselamatan, ketenteraman dan keamanan negara. Ini termasuklah juga langkah-langkah pencegahan bagi apa jua aktiviti dan kegiatan sosial yang bertentangan dengan undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan. Kaola ingin merujuk kepada statistik pendaftaran kebangsaan telah mencatatkan jumlah kehamilan luar nikah bagi tempoh 10 tahun iaitu dari tahun 2011 hingga 2022. Seramai 4489 anak yang dilahirkan

luar nikah yang lebih merisaukan lagi ialah 72% daripada jumlah tersebut atau 3216 adalah dari kalangan bangsa Melayu dan juga berugama Islam.

Ini juga dikaitkan dengan kes khalwat di bawah Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, Bab 196 (1) yang semakin meningkat daripada 429 orang daripada tahun 2022 kepada 432 pada tahun 2023. Kaola secara peribadi berpandangan terhadap ini adalah sangat-sangat mendukacitakan dan membimbangkan. Kaola penuh percaya pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama juga terus menerus mengambil langkah-langkah dalam menangani isu ini. Walau bagaimanapun, kaola sukacita memohon pencerahan sama ada telah diadakan penyelidikan dan penganalisaan secara komprehensif bagi mengambil langkah-langkah pencegahan yang lebih berstrategik lagi berkesan. Ini adalah bertujuan semata-mata berusaha untuk menghindarkan kes-kes sosial seperti ini daripada berleluasa yang boleh menggugat kestabilan, keharmonian dan kesejahteraan kehidupan institusi kekeluargaan malahan mungkin mendatangkan risiko kepada ketenteraman dan kemakmuran negara.

Kaola mohon maaf, kalau dapat kaola satu lagi isu pehin, iaitu Kod 002/00, Promosi Ugama. Adalah difahami, Skim Bimbingan Asas Saudara-Saudara Baharu telah pun diperkenalkan sejak tahun 1990 di bawah Pusat Da'wah Islamiah. Antara objektifnya adalah untuk mengadakan pemedulian *moral*

spiritual dan *psychology* terhadap saudara baharu bagi menjamin kekalan dalam ugama Islam. Bagi kesinambungan skim ini, alhamdulillah, kaola juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Pusat Da'wah Islamiah yang juga telah memperkenalkan pengajaran sepanjang hayat, iaitu *long life learning* iaitu kelas bimbingan mualaf supaya dapat menghasilkan mualaf-mualaf yang benar-benar menghayati dan mempraktikkan ajaran ugama Islam dalam kehidupan seharian dengan disertai latihan praktik secara komprehensif dalam mengerjakan amal ibadah serta dapat melazimkan mereka ini dengan cara keislaman dan calak kebruneian.

Sehubungan dengan ini, sukacita kaola memohon pencerahan setakat manakah tahap keberkesanan terhadap skim-skim kedua-dua ini mencapai objektif seperti yang dihasratkan dalam usaha membimbing mualaf-mualaf untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan mereka. Di samping itu juga, adakah perancangan yang lebih strategik, kreatif dan inovatif bagi menambahbaikkan lagi skim-skim dan program-program yang sedia ada ini mengikut arus perkembangan trend semasa yang datang mendatang dalam era transformasi ini.

Kaola memohon maaf kerana lebih 2 minit dan kaola dengan sukacita ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kerana memberi peluang kepada kaola. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan: Bimillahir Rahmaniir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Yang Berhormat Pengerusi.

Alhamdulillah, terima kasih di atas peluang membahaskan belanjawan bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam peruntukan perbelanjaan Kemajuan Tahun Kewangan 2025/2026 berjumlah \$278.6 juta bagi melaksanakan misi dan visinya ke arah memantapkan syiar Islam di Negara Brunei Darussalam. Abiskaola sukacita menyentuh berkenaan dengan objektif pihak kementerian di dalam Buku Anggaran Perbelanjaan 2025/2026, Pemeliharaan Promosi Nyawa dan Keturunan, iaitu mempromosi sijil dan Label Halal Majlis Ugama Islam, MUIB ke peringkat antarabangsa dan memastikan permakanan dan barang-barang gunaan yang dikeluarkan dan dipasarkan di negara kita, Negara Brunei Darussalam adalah halal dan suci serta mematuhi syariat Islam.

Berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama bagi jumlah kelulusan sebenar tahun 2023/2024 sijil halal bagi premis perniagaan, 300 dan permit halal bagi produk adalah 222 produk. Satu jumlah yang tidak jauh tersasar daripada anggaran dan sasaran pihak kementerian. Dalam pada itu, kaola ingin mengemukakan beberapa soalan di dalam proses permohonan sijil dan permit halal ini, apakah masalah-masalah yang sering dihadapi oleh pemohon bagi memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan mengikut statistik, berapa peratuskah permohonan yang

masih belum diluluskan dan apakah langkah-langkah susulan, *follow up* yang dibuat bagi memantau mereka mendapatkan kelulusan berkenaan. Seterusnya kaola memohon pencerahan di dalam beberapa kes tertentu bergantung kepada keadaan, apakah jenis perkhidmatan dan produk yang diberikan pengecualian sijil halal atau permit halal di Negara Brunei Darussalam. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin: Bimillahir Rahmanir Rahim, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola ada dua soalan merujuk kepada 002/000, Pemeliharaan Promosi Ugama dan Tajuk 002/003, Penyebaran Dakwah. Merujuk kepada Tajuk SJ01A, Kod 002/000, Pemeliharaan Promosi Ugama, penyebaran dakwah dengan peruntukan \$728,000 secara keseluruhan bagi Tahun Kewangan 2025/2026.

Soalan kaola, bagaimanakah pihak kementerian merancang untuk melaksanakan pendekatan baharu dalam penyampaian dakwah agar lebih berkesan supaya dai-dai mampu menangani isu-isu semasa dengan efektif. Ini kerana terdapat isu-isu sosial yang sangat membimbangkan seperti pengabaian orang tua di rumah sakit dan pengamal hubungan sejenis yang dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan baru-baru ini. Bagaimanakah pihak kementerian memastikan para dai-dai peka dengan

isu-isu semasa ini dan menjadikan topik dalam dakwah mereka? Mereka hendaklah sentiasa berinisiatif untuk meningkatkan kualiti dakwah mereka dengan mengambil amalan-amalan terbaik daripada pendakwah-pendakwah terkenal di rantau ini dan mengikuti perkembangan teknologi digital, media sosial atau platform lain yang relevan. Dalam penyebaran dakwah kepada saudara baru, salah satu pendekatan adalah melatih mualaf yang berpotensi sebagai pendakwah untuk sama-sama memperkuuhkan kefahaman islam dalam kalangan saudara baru dengan lebih dekat dan berkesan. Bagaimanakah pihak kementerian meningkatkan penglibatan mereka ini dalam penyebaran syiar islam dan apakah bentuk latihan serta sokongan yang diberikan kepada mereka?

Soalan kaola yang kedua merujuk kepada 001/000, Pemeliharaan Promosi Harta. Bajet-bajet bagi tahun kewangan \$27,120,680.00 secara keseluruhan. Pemeliharaan Promosi Harta objektifnya program adalah untuk memastikan usaha yang menjurus kepada pemeliharaan harta melalui pengurusan dan pentadbiran kewangan yang dinamik dan holistik serta memberikan perkhidmatan pelanggan yang cemerlang dan berkualiti. Dengan peruntukan sebanyak \$27.1 juta bagi Tahun Kewangan 2025/2026, mohon pencerahan bagaimana pihak kementerian memastikan program PROPAZ ditingkatkan untuk mencapai matlamat membantu memperkasa asnaf zakat agar berdikari dan keluar dari

kemiskinan? Apakah rancangan kementerian untuk menunjukkan *success stories* supaya dapat membangkitkan semangat kumpulan ini untuk keluar kepungungan kemiskinan. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Salleh bin Haji Othman: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, kaola menyentuh kepada objektif kementerian melalui anggaran belanjawan 2025/2026, Kod 002/000, Memelihara Ugama.

Kaola menyentuh berkenaan dengan tenaga-tenaga pengajar dan guru-guru ugama sama ada di sektor kerajaan mahu pun di swasta yang bertugas mengajar kelas-kelas bimbingan ugama dan al-Quran. Berdasarkan syarat dan peraturan yang ditetapkan, semua guru-guru ugama dan tenaga-tenaga pengajar hendaklah mempunyai tauliah daripada pihak kerajaan.

Dalam pada itu, kaola memohon pencerahan berkenaan syarat-syarat dan peraturan pentauliahuan sebagai tenaga pengajar kelas bimbingan ugama di Negara Brunei Darussalam dan status guru-guru ugama dan tenaga-tenaga pengajar yang bersara atau pun yang menukar profession mereka. Apakah mereka ini masih layak untuk menjadi tenaga pengajar bagi kelas bimbingan ugama. Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bimillahir Rahmanir Rahim, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola membahaskan bagi belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi Tahun Kewangan 2025/2026 yang berjumlah \$278.6 juta bagi melaksanakan inisiatif-insiatif kementerian ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Era digital membawa banyak kemudahan dalam menyebar ilmu termasuklah kemudahan untuk mengakses kandungan al-Quran melalui pelbagai platform-platform digital seperti aplikasi laman web dan peranti mudah alih, namun dengan ini kemajuan teknologi ini terdapat beberapa cabaran dalam memastikan kandungan al-Quran yang disebarluaskan adalah betul dan tepat. Antaranya versi terjemahan yang berbeza, kesilapan dalam penulisan dan tajwid dan penggunaan tafsir yang tidak sahih.

Negara berdepan dengan cabaran di mana penyebaran al-Quran dalam bentuk baru dan memerlukan pemantauan secara bersepada. Ini termasuklah risalah-risalah dan buku-buku ugama diterbitkan secara digital. Sehubungan dengan ini, apakah langkah-langkah ke hadapan pihak kerajaan khususnya Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui agensi-agensi berkaitan di dalam memastikan kandungan media-media digital ini mematuhi syarat dan apakah usaha-

usaha ke arah memberikan maklumat orang ramai untuk menggunakan platform ini yang betul mengikut ajaran Islam. Sekian sahaja Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Haji Awang

Sulaiman bin Haji Nasir: Bismillahir Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi ta’ala wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Alhamdulillah, kaola mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan bagi membahaskan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi Peruntukan Kewangan Tahun 2025/2026.

Kaola merujuk kepada buku Anggaran Perbelanjaan 2025/2026, Bilangan Akaun 1204 Mengukuhkan Perkembangan Syiar Islam. Kaola menyambut baik berkenaan dengan rancangan pembinaan masjid baharu bagi Kampung Batu Apoi dan Kampung Selapun, Daerah Temburong di bawah RKN ke-12. Diharapkan agar perlaksanaan projek ini berjalan lancar mengikut jadual yang dihasratkan insya-Allah.

Seterusnya kaola menyentuh berkenaan dengan tanah-tanah perkuburan Islam di beberapa kawasan yang sudah penuh dan padat. Seperti yang disentuh oleh rakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim. Di sini keperluan untuk menyediakan tapak baharu bagi tanah perkuburan adalah penting bagi memastikan masyarakat mempunyai tempat yang sesuai untuk

menguruskan jenazah mengikut adat dan keperluan di dalam ugama Islam.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa terdapat tanah-tanah perkuburan Islam telah disediakan, namun ianya tidak mendapat sambutan kepada masyarakat. Ini mungkin disebabkan beberapa faktor yang perlu diteliti dan dikaji oleh pihak-pihak berkenaan. Kaedah penswastaan di dalam pengurusan tanah-tanah perkuburan boleh jadikan alternatif rancangan jangka sederhana dan panjang bagi tanah-tanah perkuburan baharu dengan mengambil kira kemudahan-kemudahan asas pengurusan jenazah dan teknologi terkini di dalam proses penyediaan data dan lot perkuburan sebagai usaha ke arah menggalakkan masyarakat memilih tapak-tapak perkuburan berkenaan.

Dalam pada itu, kaola memohon pencerahan berkenaan dengan usaha-usaha pihak kerajaan berkenaan dengan perkara yang kaola nyatakan tadi dan apakah langkah-langkah ke hadapan bagi ke arah penambahbaikan pengurusan tanah-tanah perkuburan Islam di Negara Brunei Darussalam.

Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan. Wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kumpulan yang ketiga akan dimulakan dengan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Awang Mohammad bin

Abdullah @ Lim Swee Ann, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman. Saya persilakan. Junjung Pengiran.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi yang bijaksana. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih jua Yang Berhormat Pehin Menteri Hal Ehwal Ugama. Dengan kenyataan Menteri yang dikongsikan sebelum ini. Kaola ada beberapa perkara yang akan kaola bahaskan dalam Dewan yang mulia ini.

Kod 001/000 Program Pemeliharaan Promosi Harta. Selaras dengan objektif program iaitu memastikan usaha yang menjurus kepada pemeliharaan harta adalah tercapai melalui pengurusan dan pentadbiran kewangan yang dinamik dan holistik seperti Bab 236, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 iaitu *non-payment of zakat or fitrah*. Sehubungan dengan hal ini, kaola ingin menyentuh mengenai dengan urusan kutipan zakat harta dari syarikat-syarikat di negara ini seperti yang kaola maklumi zakat perniagaan adalah wajib bagi orang Islam atau syarikat yang dimiliki oleh orang Islam yang memenuhi nisab dan haul sesuai dengan hukum Islam.

Namun, apa yang kaola maklumi jua tidak ada ketetapan undang-undang yang mewajibkan syarikat perniagaan

membayar zakat seperti pajak perniagaan atau cukai korporat. Pembayaran zakat ini lebih bersifat tanggungjawab keugamaan dan kesedaran sosial daripada kewajipan hukum. Mohon maaf kaola, kalau maklumat kaola ini kurang tepat. Mohon betulkan sahaja jika ada yang kurang. Dalam hal ini dan apa yang ada difikiran kaola, tidakkah ada rancangan Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi pembayaran zakat harta perniagaan ini dimestikan setiap tahun bagi semua syarikat yang dimiliki oleh orang Islam. Ketika ini banyak syarikat *enterprise* dan Sendirian Berhad yang ada di negara ini hanya membayar zakat perniagaan secara sukarela dan tidak mustahil ada yang terlupa atau terlepas pandang atau melaksanakan kewajipan hukum ini. Berlainan dengan pengutipan cukai korporat syarikat, ia telah dibuat dengan secara aktif, mungkin ini juga dapat dilaratkan kepada pengutipan zakat perniagaan yang insya-Allah setentunya menyumbang kepada penghasilan zakat.

Yang kedua ialah Tajuk SJ01A Kod 001/004 Penyelenggaraan Sistem Teknologi Maklumat. Ini juga berkaitan dengan kutipan zakat. Adakah peruntukan Penyelenggaraan Sistem Teknologi Maklumat ini termasuk usaha untuk menyediakan sistem pemantauan dan penguatkuasaan seperti platform elektronik untuk pemfailan dan pemantauan transaksi kewangan. Dengan adanya sistem pemantauan dan penguatkuasaan yang menggunakan platform elektronik itu nanti akan dapat mewujudkan sistem pengurusan data-

data yang cekap bagi memastikan ketelusan keadilan dan kecekapan dalam penguatkuasaan zakat.

Dan yang terakhir ialah isu penggunaan alat penghawa dingin, *aircond* di masjid-masjid seluruh negara. Seperti yang kitani maklumi, semua masjid di negara ini dilengkapi dengan penghawa dingin dan alhamdulillah kebanyakannya juga hasil dari sumbangan dan sedekah mereka yang bermurah hati. Alhamdulillah masjid negara kitani sangat selesa dan sangat bersyukur dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menyediakan masjid untuk jemaah yang sangat selesa. Apa yang kaola ingin sentuh di Dewan yang mulia ini ialah mengenai penggunaan *aircond* berlebihan pada waktu-waktu cuaca yang sudah sejuk seperti waktu, sebelum dan semasa sembahyang Subuh, waktu-waktu hujan yang sudah memang hujan yang memang sudah sejuk dan sebelah malam.

Apa yang kaola rasai dan alami juga masjid-masjid negara ini membuka semua *air cond* pada masa-masa yang kaola nyatakan di atas. Ini menjelaskan keselesaan jemaah yang ingin menunaikan sembahyang memandangkan suhu yang amat sangat sejuk sehingga badan mengeletar macam masuk dalam *icebox*, kajar-kajar sehingga bacaan pun inda bertentu dan imam tiada masalah kerana imam menggunakan gamis uniform yang tebal, fokus dan khusus pun terganggu jadi usulan kaola kalau boleh apalah kiranya

ada kawalan bagi penggunaan *air cond* pada masa-masa yang kaola nyatakan di atas dan ini kaola percaya akan dapat juga menyumbang kepada penjimatan penggunaan tenaga elektrik.

Sekian. Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann:
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.
Bismillahir Rahmanir Rahim.
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Alhamdulillah, terima kasih di atas peluang bagi membahaskan Belanjawan Peruntukan Kewangan Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi Tahun 2025/2026 bagi memberikan perkhidmatan yang cekap dan efisien ke arah memantapkan syiar Islam di Negara Brunei Darussalam.

Kaola menyentuh berkenaan dengan Kod 002/000 Pemeliharaan Promosi Ugama. Sesuai dengan objektif kementerian memastikan penyebaran dakwah syiar Islam yang efektif di hayati dalam menjadi amalan hidup berugama yang sempurna ke arah kehidupan yang cemerlang dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Kaola mengharapkan agar usaha-usaha dan inisiatif berterusan di dalam penyebaran syiar Islam perlu di perkasakan terutama sekali dalam kalangan saudara-saudara baharu dalam menyantuni mereka melalui

lawatan berkala di rumah-rumah atau kelas-kelas bimbingan mualaf dapat memahami situasi sebenar di dalam usaha ke arah memantapkan akidah sebagai seorang muslim yang sejati. Dalam pada itu, semua program dakwah yang dilaksanakan akan lebih berkesan mencapai matlamatnya.

Sehubungan dengan ini, kaola memohon pencerahan apakah kelas-kelas bimbingan mualaf di seluruh negara yang diselenggarakan oleh badan-badan *NGO* atau perseorangan dipantau oleh pihak kerajaan dan apakah bentuk bantuan yang diberikan bagi memastikan kelas-kelas ini beroperasi? Sekian sahaja, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Kaola ingin menyentuh Tajuk SA01A – Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Hal Masjid khususnya di bawah peruntukan Kod 1204-002 hingga 003 bagi pembinaan masjid baharu.

Sebagai sebuah institusi yang bukan sahaja menjadi pusat ibadah tetapi juga pusat kemasyarakatan pembinaan masjid baharu mestilah dirancang secara menyeluruh dengan pelaksanaan yang lengkap. Ini termasuk bukan hanya ruang solat yang selesa tetapi juga kemudahan sokongan seperti tempat letak kereta yang mencukupi bagi menampung keperluan jemaah. Dalam beberapa projek pembinaan masjid

baharu sebelum ini, kita melihat cabaran di mana kapasiti tempat letak kereta sering kali tidak mencukupi terutama bagi masjid yang terletak di kawasan perumahan yang mempunyai ramai penduduk.

Keadaan ini menyebabkan kesesakan lalu lintas dan kesulitan kepada jemaah serta penduduk setempat khususnya pada waktu solat Jumaat, bulan Ramadan dan musim perayaan. Justeru, kaola ingin menyusulkan agar aspek berikut diberi perhatian. Setiap pembinaan masjid baharu hendaklah menjadikan kapasiti kepada kereta-kereta yang mencukupi sejajar dengan keramaian penduduk serta jumlah jemaah yang dijangka hadir.

Kedua, melibatkan agensi-agensi berkaitan dengan komuniti setempat dalam perancangan dan perlaksanaan bagi memastikan kemudahan ini bukan sahaja praktikal tetapi juga memberi manfaat yang panjang kepada masyarakat. Sekian, Yang Behormat Pengerusi.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Kaola sukacita merujuk Tajuk SJ01A-002-002 Pentadbiran Masjid. Mohon pencerahan mengenai program-program yang dilaksanakan di bawah peruntukan sebanyak \$3,031,630.00 bagi tujuan pentakmiran masjid. Selain itu, apakah strategi kementerian dalam mengukur

keberkesanan program-program ini? Apakah indikator atau petunjuk prestasi utama yang digunakan untuk memastikan matlamat pentakmiran masjid tercapai. Bolehkan pihak kementerian mengongsi impak positif yang telah diperolehi hasil daripada perlaksanaan inisiatif ini dalam meningkatkan kehadiran jemaah serta penglibatan komuniti aktiiviti-aktiviti keagamaan? Seterusnya, bagaimanakah peruntukan ini diagihkan di antara masjid-masjid di seluruh negara. Adakah pengagihan dibuat berdasarkan faktor tertentu seperti jumlah jemaah, keperluan penyelenggaran atau tahap masjid?

Soalan kaola yang kedua ialah mengenai khidmat nasihat keluarga 003/007. Sebanyak \$1,021, 510.00 di peruntukkan pada tahun 2024/2025. Tetapi tiada peruntukan diberikan pada tahun 2025-2026. Mohon pencerahan? Seterusnya, Perkhidmatan dan Penguatkuasaan 003/008. Memandangkan ini merupakan aktiviti yang Baharu, mohon pencerahan mengenai skop perkhidmatan dan langkah-langkah penguatkuasaan yang terlibat dalam perlaksanaannya. Selain itu, apakah petunjuk prestasi utama yang digunakan untuk menilai prestasi serta kejayaan program ini? Bagaimanakah mekanisme pemantauan dan penilaian dilaksanakan bagi memastikan matlamat yang ditetapkan dapat dicapai dengan berkesan. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya
Indera Pahlawan Dato Seri Setia**

Haji Awang Suyoi bin Haji Osman:
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.
Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh dan salam sejahtera.
Bismillahir Rahmanir Rahim.

Kaola terlebih dahulu merujuk kepada Petunjuk Prestasi Utama 003/000 mengenai kelulusan sijil halal bagi premis perniagaan yang disasarkan sebanyak 375 sijil bagi tahun 2025/2026 dan seterusnya.

Walaupun perkara ini sudah disentuh oleh Ahli Yang Behormat sebelum kaola, kaola ingin timbulkan juga berapa lamakah permohonan ini dapat diproses dan dapatkah dijangka berapa lama setiap sijil itu sebelum dapat kebenaran?. Kaola timbulkan perkara disebabkan ada perniagaan yang menunggu sampai enam bulan ataupun lebih dan dalam masa tempoh itu, mereka membayar sewa dan gaji pekerja dan ada setengah perniagaan membuka pintu perniagaan mereka walaupun belum ada sijil halal dan perniagaan mereka dikunjungi oleh orang-orang Islam. Jadi apakah status perkara seperti ini ya?

Soalan kaola yang kedua ialah mengenai dengan program di bawah 093 003/002, iaitu Pemeliharaan Promosi Nyawa dan Keturunan yang salah satu objektifnya ialah mempromosi sijil dan label halal Majlis Ugama Islam ke peringkat antarabangsa. Kaola mengalu-alukan cadangan ini kerana ia akan meluaskan lagi produk halal Brunei di pasaran antarabangsa. Cuma yang ingin kaola

tanyakan ialah apabila ia dilaksanakan nanti, bagaimana kita akan memastikan kepatuhannya, *complianceny* kerana setiap produk itu perlu diperiksa dan mungkin ini akan memakan masa yang begitu lama. Jadi, hasrat itu baik hanya kaedah-kaedah untuk menjalankan, melaksanakan pengeluaran Sijil Halal Brunei ini, logo Brunei Halal.

Seterusnya, kaola ingin merujuk kepada PPU jumlah kes baharu jenayah syariah yang direkodkan bagi 2025/2026 ialah 350 dan sasaran bagi tahun berikutnya ialah juga 350. Kaola memohon pencerahan bagaimana sasaran kes jenayah syariah dicapai? Adakah ini bererti kes jenayah-jenayah syariah pada masa ini tidak akan meningkat sepanjang tiga tahun akan datang, iaitu dapat dikawal kepada 350?

Dan kaola seterusnya merujuk kepada 001/007 Pengurusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal. Kaola, walaupun perkara ini sering diperbincangkan, tetapi kaola masih memohon pencerahanlah keberkesanan pengurusan kutipan dan pengagihan zakat pada masa ini. Adakah pihak kementerian sudah meneliti kaedah-kaedah baru? Misalnya dalam pembayaran zakat, masih banyak isu-isu yang bersangkutan dengan zakat yang masih belum diketahui umum.

Seterusnya, perkara yang ingin kaola timbulkan ialah juga, Yang Berhormat Pengerusi, mengenai dengan peratus pelajar lulus Sijil Pelajaran Ugama Brunei *aggregate* 6 hingga 8 yang sasaran mencapai bagi tiga tahun berturut-turut ialah 22.86%, 24.07% dan 25.29%.

Kaola difahamkan ini adalah satu pencapaian yang tinggi dan kaola berfikir mungkin ada kaitannya dengan tenaga pengajar yang berkelayakan dan kemahiran yang melebihi 84%. Kaola menyokong sepenuhnya bagi tenaga pengajar kitani sentiasa dibagi kemahiran yang lebih tinggi.

Kaola juga merujuk kepada Kod 002/002 Pentakmiran Masjid yang mana telah pun ditimbulkan oleh rakan sebelum ini iaitu meminta pencerahan tentang penggunaan peruntukan ini kerana sebahagian masjid seolah-olah inda ada peruntukan untuk mengadakan kegiatan-kegiatan mereka.

Dan akhir sekali, mengenai dengan Tajuk 002/003 Penyebaran Dakwah yang mana PPUnya ialah pada masa ini, jumlah saudara baharu setiap tahun bagi tahun 2025, 2027, 2028 ialah 500 orang. Alhamdulillah, atas sasaran ini kaola ingin bertanya bagaimana angka ini dicapai kerana dalam penyebaran dakwah, berapa banyak saudara baharu tertakluk kepada keberkesanan aktiviti dakwah. Dalam hal ini, bagi dai-dai diperkasakan, kaola berpendapat dai-dai perlu diperkasakan dengan kaedah-kaedah baharu untuk lebih efektif. Sekian sahaja, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang saya akan mempersilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama untuk memberikan responsnya atau ulasannya atas perkara-perkara yang telah pun ditimbulkan yang

merupakan perbahasan yang telah berlalu dan apa namanya ni, saya nampaknya, oleh sebab perkara-perkara yang diapanya ni, dikemukakan intensif, saya akan memberikan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama lebih masa untuk menjawabnya. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola pada umumnya sangat mengalukan dan menyambut baik soalan-soalan dari kumpulan-kumpulan yang telah Yang Berhormat Pengerusi berikan laluan tadi. Sambutan kaola ialah berdasarkan bukan sahaja mereka menyoal tetapi sebahagian besarnya disertai dengan cadangan-cadangan dan cadangan-cadangan itu kalau belum pun dibuat tetapi maknanya sangat menarik atau sangat bagus untuk dipertimbangkan, atau satu perkara. Kalau ia sudah dibuat, jadi kaola cuma akan menyatakan sahaja perkara-perkara atau akan diperkuuhkan dan diperbaiki dari semasa ke semasa.

Kaola cuba mencatit mana-mana yang dapat kaola catit Yang Berhormat Pengerusi. Pulangtah kaola ani menulis jawi ni Yang Berhormat Pengerusi (*ketawa kecil*). Macam trengkas jua tapi kalah kaola Yang Berhormat Pengerusi (*ketawa kecil*). Walau macamana pun, kaola akan mana yang sempat ah, yang kaola dapat respons di sini.

Antaranya mengenai Akademi al-Quran atau. Ia dikaitkan dengan satu pencapaian ah, ertinya pencapaian di peringkat antarabangsa dan peringkat serantau ani

atau jua macam mana, yang kalau dalam KPI-KPI wawasan Yang Berhormat Pengerusi, perkara-perkara seumpama ini adalah diambil kira, pencapaian-pencapaian di peringkat antarabangsa atu. Jadi, cadangan daripada Yang Berhormat ah yang bercakap mengenai perkara ani, sangat praktikal Yang Berhormat Pengerusi. Ia selari dengan apa yang sudah dibuat sama ada memang dirancang oleh kementerian atau pada masa dahulu dalam tahun tujuh puluhan, bukan dari kementerian oleh Jabatan Ugama atau oleh inisiatif daripada qari-qari.

Pada tahun tujuh puluhan itu, inisiatif daripada qari-qari sendiri menuBUHKAN Majlis Qura' penggalarnya. Ertinya suatu Majlis Pembaca-Pembaca Al-Quran dan dari sanalah lahir pembaca-pembaca yang awal itu, peringkat awal dan di sanalah jua telah berhasil, apa namanya atu, johan kitani peringkat antarabangsa di Kuala Lumpur. Jadi yang ini telah berkembang-berkembang, kemudian apabila sudah ia menjadi suatu perkara yang dilihat sangat berkesan dalam peningkatan ilmu al-Quran, maka ditubuhkan oleh Jabatan Pengajian Islam namanya STAR - Skim Tilawah Al-Quran Remaja. Begitulah seterusnya.

Dan seterusnya, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui syiar juga mengambil langkah-langkah sepertimana Yang Berhormat cadangkan tadi, iaitu mengambil kesempatan daripada qari-qari yang ternama ah, di rantau ini untuk datang dijemput bagi membimbing qari-qari. Dan ini dilakukan secara tidak ketara apabila kitani mengadakan

peraduan musabaqah, maka qari jemputan sama ada sebagai, apa namanya tu, pembaca atau pun sebagai hakim, mendampingi hakim-hakim. Mereka ini juga diaturkan untuk membimbing qari-qari kitani dalam tilawah ini dinamakan taranum.

Dan dalam di samping itu, usaha-usaha yang berterusan oleh kementerian dalam perkara ini ialah memikirkan akademi ani, pemikiran akademi ini. Jadi mudah-mudahanlah perkembangan daripada Majlis Qura' kepada STAR dan kepada usaha-usaha mengenai bimbingan daripada pembaca-pembaca yang dijemput ke mari sama ada dijemput pada musim musabaqah atau dijemput dari semasa ke semasa, insya-Allah cadangan untuk menubuhkan Akademi Tilawah Al-Quran namanya atau akan dilihat lebih lanjut lagi kesesuaianya Yang Berhormat Pengerusi.

Yang kedua, mengenai dengan tanah perkuburan, Yang Berhormat Pengerusi. Tanah perkuburan ani, dan bukan seorang, tiga orang barangkali yang menyebut mengenai tanah perkuburan, keperluan tanah perkuburan ani. Ani memang suatu perkara yang penting dan menjadi cabaran kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengerusi. Untuk mendapatkan kawasan memang mudah dapat dicari ah, tapi untuk mendapatkannya orang persetujuan atau pun nya orang, apa yang dinamakan, bukan pengguna-pengguna kerana orang yang akan dikubur inda lagi sempat tu (*sambil ketawa*), tapi ialah ertinya masyarakat setempat untuk menerima apa yang

dipilih oleh kementerian sebagai suatu tempat yang boleh diterimalah, untuk makluman bersama.

Tapi ada tempat-tempat seperti Temburong yang saya sebutkan tadi, yang inda *popular* lah macam atu. Tapi pemikiran untuk mendapatkan tanah perkuburan baharu, kawasan-kawasan baharu sangat penting Yang Berhormat Pengerusi ah dan bukan suatu yang baharu. Yang baharunya antadi ialah dicadangkan di kawasan-kawasan di mana ramai penduduk-penduduk yang antaranya ialah kawasan-kawasan Rancangan Perumahan, Rancangan Perumahan Negara. Ini suatu apa namanya tu, ini suatu cadangan yang baik yang difikirkan. Dan contohnya pun sudah ada Yang Berhormat Pengerusi, antaranya ialah Tanah Perkuburan Baru Terunjing. Oleh kerana kawasan atu, kawasan yang sudah inda dapat menampung yang lama, maka kawasan baharu telah dibuka.

Tapi bagi kawasan-kawasan seperti Pulaie, sukar sekali, walaupun pada masa ini aktif sedang dirundingkan untuk mendapatkan, memindahkan, bukan memindah, mendapatkan kawasan baharu ganti kepada kawasan yang akan ditutup, insya-Allah akan ditutup tu Yang Berhormat Pengerusi kawasan Pulaie atu. Jadi hal-hal macam anि, jadi kan mengganti tempat yang *popular* sekarang anি sudah penuh iaitu di Jame' pun sedemikian juga. Jadi cadangan-cadangan mengenai tanah perkuburan ani memanglah satu cadangan yang praktikal yang bukan menjadi cabaran saya saja tetapi kepada kementerian

tetapi juga kepada masyarakat Yang Berhormat Pengurus. Kitani akui lah sedemikian atu.

Ada lagi yang berhubung dengan apa namanya tu, BruHaj Yang Berhormat Pehin ah. Kaola melompat mengenai BruHaj atau dan kaola alu-alu kan tu, kaola alu-alukan sambutan baik daripada Yang Berhormat dan memang sambutan baik daripada orang ramai Yang Berhormat Pehin. Bila BruHaj itu dibuka, sebanyak lebih 6 ribu pendaftar termasuk 700 lebih, atau 100 lebih hampirkan 200 ialah kanak-kanak di bawah umur. Di bawah umur maksudnya di bawah akil baligh dan ada yang di bawah umur 5 tahun pun didaftarkan oleh ibu bapanya.

Jadi, daripada Yang Berhormat mahukan supaya BruHaj ani dikembangkan dan alhamdulillah beberapa pemikiran yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat itu, bolehlah akan dilihat sejauh mana kesesuaianya, insya-Allah. Tapi memang penting, kalau kitani sudah masuk kepada sistem digital dan sebagainya ani dan perkara-perkara dan sistem ini, teknologi ini, adalah berkembang, jadi pertama kitani mesti mengikuti perkembangannya dan yang kedua, kitani mesti menyediakan, menyediakan diri kitani untuk ikut dalam perkembangan tersebut dan tidak akan ketinggalan. Jadi hal-hal macam ani lah yang menjadi cabaran lah sama-sama bukan saja Kementerian Hal Ehwal Ugama ah dari segi *human resources* nya bahkan juga di dalam semua lah, dalam bidang, hatta dalam bidang swasta pun macam atulah jua.

Tapi, alhamdulillah bahawa mengenai BruHaj ani ia akan dikembangkan dengan baik dan di sana sudah ada aturan-aturan ah kalau dicadangkan tadi supaya orang yang mendaftar atau juga menetapkan supaya diberikan apa namanya tu ketetapan untuk ia membuka akaun. Tapi sebenarnya selama ani, setiap pendaftaran sebelum BruHaj pun, pendaftaran setelah orang itu didaftarkan, maka ia akan menerima apa namanya tu, arahanlah semacam arahan supaya membuka akaun persiapan untuk naik Haji. Jadi kalau dari segi BruHaj ani, kalau dari segi BruHaj dan pendaftaran-pendaftaran yang terakhir pada masa ani, sehingga kepada pendaftaran yang lepas, tahun lepas tahun 1444 Hijrah maknanya jemaah yang mendaftar pada masa itu ah akan naik Haji pada 2046 Yang Berhormat Pehin. Jadi ditambah lagi sebanyak 6 ribu dalam BruHaj maka tambahannya sedemikian memang panjang.

Walau bagaimanapun, ada kaedah-kaedah bahawa angka menunggu ani bukan statistik Yang Berhormat Pehin, ia boleh berundur bukannya ke hadapan, ianya akan berundur ke belakang, anu, lebih cepat. Salah satu contoh, pendaftaran untuk naik Haji tahun ini, yang sudah di.. bukan pendaftaran, orang yang sudah dipilih sebanyak 1000 orang untuk naik Haji pada tahun ini, hampir separuh yang menyatakan tidak sanggup dengan alasan-alasan tertentu. Jadi dengan sendirinya separuh itu akan bertolak kepada orang yang sedemikian. Kitani indalah mendoakan supaya trend ani berterusan, kitani mendoakan

sebaliknya, tapi atulah kedudukannya dan kaedah lagi kalau orang sudah yang apa namanya tu, pada saat-saat akhir, ada orang yang tidak lulus untuk kesihatannya dan ditawarkan kepada orang yang menunggu sepenuhnya, dan orang-orang yang menunggu ani pun tidak sanggup kerana serta-merta mengejutlah atau misalnya persiapan kewangan kah apa, apa semua sekali, maka pada saat-saat akhir sedemikian itu ditawarkanlah kepada orang-orang yang sekira-kira dapat memenuhi jangka waktu yang sebaik-baiknya itu. Atu perkara yang dapat dianukan.

Daripada Yang Berhormat Awang Lau How Teck yang kaola akan ingin nyatakan di sana suatu idea yang bagus ni, beliau itu kerana latar belakang dari sebagai pengusaha, jadi mahukan halal, pensijilan halal itu tidak saja menumpukan kepada pengeluaran, eh menumpukan kepada pensijilan ah, pentauliahah ah atau pun pengiktirafan bahkan juga kepada apa namanya tu perkembangan ekosistem, ertinya turut campurlah ke dalam usaha-usaha melahirkan, usaha-usaha mewujudkan produk-produk yang halal.

Itu suatu *idea* yang kaola akan ingin nyatakan di sini, bahawa di bawah peruntukan undang-undang pada masa ini mengenai halal ialah mengenai kuat kuasa Pensijilan Halal, pensijilan saja, bukan termasuk dalam usaha-usaha untuk produksi barang-barang halal. Bagaimanapun idea-idea termasuk daripada Yang Berhormat Awang Lau How Teck dan *idea-idea* daripada rakan-rakan lain menyebutkan dan menyambut

baik usaha-usaha untuk membawa apa namanya tu, mengangkat taraf Sijil Halal ani di peringkat antarabangsa bukan saja atu sebagai idaman kitani ani di Kementerian Hal Ehwal Ugama khasnya, bahkan kalau inda silap saya, ani adalah sebahagian daripada strategi ekonomi kitani, kalau inda silap saya ada disebutkan oleh rakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II ada menyebutkan antaranya ialah membawakan Sijil Halal ini di peringkat antarabangsa kerana ada faeah-faedah ekonomi ada di sana dan mudah-mudahanlah kitani akan, dan cabarannya ialah ada halnya juga dengan kaitan yang soalan daripada rakan-rakan yang lain tu Yang Berhormat Pehin ah, kesanggupan kitani melayani keperluan-keperluan yang setakat yang ada sekarang ini pun, setakat yang ada di dalam negeri pun sudah kitani susah.

Pengurusannya dipersoalkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, dipersoalkan oleh yang lain-lain ialah ertinya pengurusan ani mesti kitani perbaiki ni. Ani yang kementerian sendiri menginsafi sebenarnya Yang Berhormat Pengerusi ah. Pertama, terima kasih kerana nya orang *feedback* daripada rakan-rakan yang berada di Dewan ini atau pun di luar mengenai perkara ani memanglah sukar untuk mendapatkan suatu kaedah pengurusan mempercepatkan atu. Pada masa ani, 45 hari adalah untuk TPOR permohonan. Kemudian 30 berapa hari lagi ialah TPOR untuk pensijilan.

Jadi semua ani memakan waktu ni, yang terakhir tadi disebutkan ada yang sudah berbisnes buka kadai dan dalam masa 6 bulan. Pertama, ia memohon belum lagi ketahuan 6 bulan Pehin. Tentu ada masalah-masalahnya tu bukan saja nya orang pengurusan malahan juga pengurusan dari segi pengusaha-pengusaha itu. Misalnya, ada yang dikehendaki oleh dalam, apa namanya tu, keperluan-keperluan sijil halal sedemikian, bahan dan sebagai dan sebagainya, tempat dan sebagai dan sebagainya, semuanya itu inda terpenuhi walaupun ia telah beroperasi. Yang kedua, ada yang menunggu tapi inda beroperasi. Jadi bila inda beroperasi atau maknanya merugikanlah. Sudah membayar sewa, sudah membuat, apa namanya tu, *renovation* dan sebagainya. Tapi kepada yang beroperasi tanpa ada sijil, kalau dari segi pemakanan, restoran dan sebagainya, maknanya operasinya atau belum halal tu Pehin ah. Terpulanglah kepada kitani orang ramai untuk menentukan untuk memilih mana-mana yang sepatutnya kitani lakukan.

Mengenai kawalan, apa namanya tu, bahan-bahan ah, bahan-bahan mengenai yang disiarkan melalui media sosial dan sebagainya. Sebenarnya kawalan-kawalan atau kalau dari segi ugama memanglah dari segi ugama kawalan atau terpulang Kementerian Hal Ehwal Ugama lah, memang sedemikian. Tetapi kitani pun mengakui, mengawal yang dalam media sosial ani memang inda semudah mana. Tapi yang kan kitani kawal sebenar-benarnya yang boleh kitani fokus ialah kawalan apa-apa jua bahan

yang tersiar dalam siaran media sosial yang menyentuh akidah. Ini sangat penting dan anilah yang memerlukan langkah-langkah dan pengawasan yang cukup berhati-hati.

Kalau setakat perkara perselisihan pendapat, khilaf mengenai boleh, apa namanya tu, yang kaola sebutkan sebelum ani, kalau kitani layan Pehin, inda behujungan tu. Contohnya kaola, apa yang dibahaskan 4/5 tahun dahulu pada musimnya pada musim puasa timbul lagi balik. Jadi tiba-tiba kitani kan turut lagi dan sebagainya, bukan atu yang maunya.

Dan yang kedua, untuk mendapatkan sistem secara *AI*, *Artificial Intelligence* supaya mudah benda atu dan ani pun sudah kaola sebutkan, memerlukan tenaga, memerlukan keahlian dan juga ertinya data-data yang memang sahih dimasukkan ke dalam sistem. Jadi semua ani memakan waktulah, tapi kitani berharap ertinya bukan saja kementerian bahkan jua orang ramai akan terpandu dalam perkara ani. Mengenai kawalan-kawalan, mengenai siaran-siaran, kalau di bawah undang-undang yang ada pada masa ani iaitu penerbitan yang tidak diingini, atau memang ada kuasa yang diberikan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama dilaksanakan oleh Pusat Da'wah Islamiah. Ganya hal atu ialah terhad kepada percetakan Pehin, *hardcopy, printed materials*.

Jadi dalam masa yang sama jua, kalau percetakan Quran kalau dicetak atau

di bawah bidang kuasa atau misalnya. Tapi kalau Quran atau *digitalize* masuk dalam *web* kitani pun diambil inisiatif oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui PDI untuk mengikutinya hal-hal cemani. Bukan sahaja Nas al-Quran sendiri bahkan jua isinya, tafsirnya dan sebagainya diikutinya tu Pehin dipantau dengan sebaik-baiknya.

Sebagaimana yang kaola nyatakan tadi ialah mengenai program, apa ni, semua sekali kalau kan ditangkap-tangkap lari-lari jua ni Pehin. Ada kaola dengar tadi *PROPAZ* dan jadi mengenai *PROPAZ* ani memanglah usaha untuk mengusahakan asnaf mendapat kemahiran-kemahiran tertentu bagi mereka terlepas dari kepompong kemiskinan dan atau diusahakan. Dan setakat yang ada peratus kejayaannya indalah sampai 50 % daripada yang mengikutinya atau berterusan dan kemudian setelah ia lulus selesai daripada latihan-latihannya atau tapi mereka jua inda sampai kadar yang diharapkan untuk benar-benar berjaya dalam bidang peningkatan keupayaan asnaf zakat ani, Pehin.

Tapi Kementerian Hal Ehwal Ugama terutama sekali Bahagian Zakat melalui Majlis Ugama Islam Brunei tidak terhenti setakat itu saja Pehin, malah yang terakhir ani adalah usaha bersama dengan yang telah di, bercontoh kepada apa yang diusahakan pada mualaf-mualaf. Mualaf-mualaf di Pusat Da'wah Islamiah dengan kolaborasi dengan Bank Islam Brunei Darussalam berjaya melahirkan, apa namanya tu, pengusaha-pengusaha yang terbimbing

Yang pada mulanya mereka setakat membuat, menjual inda tantu berapa pendapatan berapa modal, asal saja ia ada kegiatan. Tapi sekarang ani dengan campur tangan bank, campur tangan pihak yang berkenaan membimbing sama-sama, maka mereka itu mempunyai pendapatan yang baik jualah. Walau bagaimanapun, mereka belum sepenuhnya terlepas daripada asnaf. Tapi yang terakhir lagi yang sekarang sedang berjalan ialah latihan di pusat latihan sendiri untuk usahawan daripada asnaf ani Pehin dalam bidang-bidang yang terutama sekali dalam bidang kulinari atau katering atau sebagai dan sebagainya, mudah-mudahan, dan sudah pun ada dengan perbelanjaan bank mengubah suai bangunan kantin di Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk dijadikan pusat kulinari dan mudah-mudahan perkara ani akan berjalan insya-Allah dengan sebaik-baiknya.

Yang mengenai zakat ani ialah satu yang penting lagi disebutkan, memang sambutan orang ramai Pehin diakui. Permohonan-permohonan melalui SKN atau memang laju Pehin tetapi kelajuan atau inda selaju mana tenaga yang ada menyelesaikannya. Jadi kerana atulah, pada masa ani permohonan yang baharu dengan permohonan yang lama yang 2 tahun membawa kepada 3, 4 tahun, misalnya Pehin, berkumpul. Jadi untuk menyelesaikan diambil kaedah juga di Bahagian Zakat, permohonan baharu dipertimbangkan dalam majlis mesyuarat, permohonan lama dipertimbangkan serentak. Bukan

ertinya yang baharu ani dikemudiankan dulu, permohonan lama dulu dilihat. Jadi bila permohonan lama diselasaikan yang 3/4 tahun dahulu, permohonan yang baharu ani akan menjadi 3/4 tahun yang akan datang. Jadi kaedah baharu ialah sama-sama dimesyuaratkan. Jadi anilah semakin berkurangan dan kaola difahamkan sehingga ke hujung tahun 2024 yang lalu makin tipislah menunggu.

Jadi hal-hal macam ani suatu pemberian dengan duitnya Jabatan Zakat, Waqaf dan Baitul Mal, JUZWAB yang ada sekarang ani. Dan dalam zakat ani juga ditimbulkan ialah mengenai kutipan zakat perniagaan secara kutipan maknanya dalam erti kata diundang-undangkan. Kaola boleh dapat merespon undang-undang mengenai perkara itu tetapi belum dilaksanakan. Sudah lama undang-undang itu, jadi zakat perniagaan ani ialah perniagaan orang Islam, perniagaan yang dimiliki oleh orang Islam dan orang Islam sendiri yang berniaga dan mereka yang diwajibkan membayar zakat.

Dalam masa yang sama pun kitani jangan menafikan juga ada kesedaran. Inilah yang diakui oleh Yang Berhormat Pengiran Isa bin Pengiran Haji Aliuddin sendiri setakat ani nya ialah kerana kesedaran, bukan undang-undang. Jadi antara kesedaran dengan undang-undang ini, kitani melihatlah ke hadapan tetapi untuk melaksanakan undang-undang ini bukanlah kan dijadikan nya orang tinggal secara bukunya macam atau saja, sebagai dokumen. Ini menjadi perhatian, perhatian yang berat

terutama sekali ada kesannya, ada impaknya untuk menolong.

Bukan kitani kan menyebut masyarakat Islam atau pun nya orang kerana kutipan zakat oleh dari orang Islam kepada orang Islam dan bagi kepentingan perkara-perkara seperti masjid, perkara yang tidak kitani akan mengambil kira bahawa kutipan yang baharu, yang diaturkan pada masa-masa akan datang, yang secara undang-undang dan sebagainya. Kalau sudah siap segala-galanya, ia akan menolong fiskal kerajaan Yang Berhormat Pengerusi.

Dalam perkara zakat dan juga sumbangan-sumbangan sedekah atau wakaf, sudah pada masa ini pun sangat menolong fiskal Yang Berhormat Pengerusi kerana perkara-perkara yang di masjid-masjid umpamanya, bilik jenazah, kebetulan masjid-masjid lama inda ada. Jadi dibukakan kepada orang ramai terutama sekali jemaah di kampung dan mereka bergotong-royong mengadakannya dan inda pun nya orang kitani bersuara mengenai perkara kereta jenazah. Kereta jenazah hampir sebuah masjid kadang-kadang 2/3 buah Yang Berhormat Pengerusi. Ada yang sudah akhirnya itu, *road tax*nya pun inda terbaharui. Ini lagi masalahnya pengurusan. Jadi semua ini berkehendakkan, alhamdulillah lah dengan *input* maklum balas daripada Dewan ini, daripada rakan-rakan sama ada di dalam Dewan ataupun di luar Dewan, abiskaola sangat mengalu-alukan perkara-perkara sedemikian itu.

Jadi zakat kehadapan, insya-Allah, sudah ada langkah-langkah yang aktif pada masa ini, membaharui pengurusannya dan bahkan zakat dan wakaf ini, bahkan untuk mengambil *modality-modality* yang sudah diperkirakan berjaya di negeri-negeri yang dilawati dan dirunding bersama dengan pihak-pihak yang berkenaan untuk diaplikasikan di dalam negeri ini, insya-Allah. Mudah-mudahan akan dapat kitani laksanakan dengan sebaik-baiknya, zakat dan wakaf, insya-Allah Yang Berhormat Pengerusi.

Jadi kaola memohon maaf Yang Berhormat Pengerusi ah mana-mana yang di sini barangkali diuntukkan untuk kaola dapat menjawab, itulah saja yang dapat kaola jawab, mana yang inda terjawab, sama ada akan dibuat dalam kenyataan atau diberikan secara bertulis, insya-Allah, Yang Berhormat Pengerusi dan kaola mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan sekaliannya, mudah-mudahanlah sedemikian itulah caranya. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas keterangan-keterangan dan penerangan-penerangan yang diberikan dan dengan mengambil kira penentuan yang dibuatnya bahawa soalan-soalan yang mungkin belum dapat dijawabnya akan insya-Allah dijawabnya kemudian atau dijawab secara bertulis.

Saya kira Tajuk ini sekarang sudah kita tutup dan kita boleh undi. Ahli-Ahli Yang

Berhormat yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Ahli-Ahli Yang Berhormat mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Nampaknya semua Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju, maka Tajuk ini diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis: Tajuk SJ01A dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum kita menunduki Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, saya ingin mencadangkan supaya kitani berhenti berehat sekejap, 15 minit dan kita akan menyambung semula apa namanya ni perundingan kita kemudian.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa sekarang beralih untuk membincangkan Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Saya akan mempersilakan tiga, apa namanya ni tiga orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Di-Lantik yang telah pun dibagi dalam tiga bahagian untuk menyertai perbincangan mengenai dengan Tajuk ini dan untuk apa namanya ni untuk kumpulan yang pertama.

Saya akan mempersilakan enam orang Ahli Yang Berhormat. Dimulai dengan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, Yang Berhormat Awang Lau How Teck, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Yang Berhormat Chong Chin Yee dan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann. Saya persilakan, menjunjung Yang Berhormat Pengiran.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi yang bijaksana. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan Kenyataan Menteri yang dikongsikan sebelum ini.

Kaola ada satu usulan sahaja iaitu Tajuk SL01A, Kod 005/000 – Pembangunan Masyarakat. Kaola merujuk kenyataan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada 11 Mac yang lalu, mengenai dengan pelaksanaan dan perancangan strategik pembasmian kemiskinan.

Kaola memang bersetuju usaha ke arah mengeluarkan golongan ini dari kitaran kemiskinan adalah sangat mencabar dan memerlukan pendekatan holistik dan penglibatan holistik seluruh negara secara berterusan. Alhamdulillah, usaha-usaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan sokongan padu dari kementerian-kementerian lain yang berkaitan telah menunjukkan hasilnya melalui pendekatan-pendekatan utama yang dilaksanakan dan juga mengelola program-program tertentu termasuk program mandiri.

Kaola tertarik dengan kenyataan yang menyatakan bahawa dari 68 ribu permohonan bantuan diterima melalui Sistem Kebajikan Negara, SKN. Kaola menyambut baik rancangan kementerian untuk meneliti kembali syarat dan kriteria bagi pemohon JAPEM, memandangkan hanya seramai 23,044 permohonan telah diluluskan dan menerima bantuan di bawah JAPEM dan Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal, JUZWAB.

Kaola juga tertarik dengan data dan maklumat yang dikongsikan mengenai ke arah mengurangkan kebergantungan kepada bantuan bagi melahirkan masyarakat yang berdikari dan berdaya tahan. Kedua program, iaitu Program Keusahawanan dan Pekerjaan dan Program Latihan Kemahiran dan Meningkatkan Kebolehpasaran telah diungkayahkan di mana 204 orang penerima bantuan telah menceburii bidang keusahawanan, 504 orang penerima bantuan dimasukkan ke dalam program pelan pekerjaan melalui

Program Latihan dan Pemadanan Pekerjaan, *job matching* dengan sektor swasta dan 1,914 orang penerima bantuan telah berdaftar dengan *JobCentre Brunei*.

Jadi statistik ini masih besar jumlahnya mereka ini bergantung dari bantuan dari kerajaan untuk menyara hidup sehari-hari. Dalam hal ini apalah kiranya kalau kaola dapat memberi cadangan bagi sebilangan golongan penerima ini untuk mereka ini digalakkan dan didorong untuk mencebur ke bidang pekerjaan seperti kerja pemotongan rumput, jurujual dan pembantu dikedai-kedai runcit, kerja-kerja dalam sektor perkhidmatan pembersihan, *cleaning service* dan mana-mana lagi kerja-kerja yang bukannya *hard labour* yang boleh dibuat oleh anak tempatan kitani.

Seperti yang kitani maklum, kebanyakan pekerja-pekerja dibidang pemotongan rumput, kedai runcit dan khidmat pembersihan telah dan masih lagi dipelopori oleh warga asing. Sekian. Yang Berhormat Pengerusi Yang Bijaksana. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck: Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin merujuk kepada Tajuk SL03A Jabatan Belia dan Sukan bagi Kod 1206 Meningkatkan Kualiti Perkhidmatan Awam seperti stadium, gelanggang sukan, kolam renang dan sebagainya. Penyelenggaraan kompleks sukan memainkan peranan penting dalam memastikan kemudahan awam sentiasa

berada dalam keadaan terbaik untuk kegunaan masyarakat.

Dalam anggaran perbelanjaan kemajuan bagi Kod 1206 tersebut, berapa peruntukan telah disediakan untuk menaik taraf dan membaik pulih fasiliti dan kompleks-kompleks sukan? Langkah ani menunjukkan komitmen terhadap pembangunan infrastruktur sukan namun perlu dipastikan bahawa penyelenggaraan dilakukan secara menyeluruh dan konsisten. Keperluan terhadap penyelenggaraan berkala ada satu aspek yang tidak boleh diabaikan. Walaupun kerja-kerja baik pulih dilaksanakan dari semasa ke semasa, keadaan dibeberapa kemudahan sukan masih menunjukkan tanda-tanda kurangnya penyelenggaraannya rutin yang efektif. Kolam renang saja sebagai contoh bukan saja memerlukan rawatan *chlorine* tetapi juga pembersihan lantai dan dinding secara berkala agar *standard* kebersihan dan keselamatan pengguna sentiasa dijamin. Begitu juga dengan bilik persalinan dan tandas yang perlu dikekalkan dalam keadaan yang bersih dan selesa kerana digunakan oleh orang ramai.

Memahami bahawa perbelanjaan kerajaan mempunyai keutamaan yang luas, ada wajar untuk meneliti kaedah yang lebih mampan dalam memastikan kelangsungan penyelenggaraan kompleks sukan. Salah satu pendekatan yang boleh dipertimbangkan adalah melibatkan sektor swasta melalui model penswastaan dengan membenarkan pihak yang lebih berpengalaman dalam

pengurusan fasiliti mengambil peranan *standard* penyelenggaraan, lebih dapat ditingkatkan secara *professional*.

Dalam perlaksanaan strategi ini, satu pendekatan yang seimbang dapat diwujudkan dengan mengalihkan peruntukan penyelenggaran kepada subsidi yang bagi pengguna memastikan kemudahan masih dapat diakses oleh masyarakat umum pada kadar yang berpatutan. Ini bukan saja membolehkan fasiliti dikekalkan dengan dalam keadaan terbaik tetapi juga mewujudkan pengalaman yang lebih selesa dan berkualiti untuk semua lapisan masyarakat. Peningkatan kecekapan dalam pengurusan kompleks sukan juga boleh menyumbang kepada perkembangan sektor sukan negara, menarik lebih ramai penyertaan dalam aktiviti sukan dan rekreasi serta memperkuuhkan gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat.

Dengan kemudahan yang lebih baik, kepercayaan masyarakat terhadap perkhidmatan awam juga dapat dipertingkatkan seterusnya menyumbang kepada ekosistem sukan yang lebih produktif dan inklusif. Oleh itu memperkuuhkan strategi penyelenggaraan melalui pendekatan yang lebih sistematik dan mampan adalah satu langkah yang dapat memastikan kemudahan sukan negara sentiasa memenuhi piawaian terbaik seiring dengan keperluan dan kepentingan masyarakat. Sekian. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Haji Amran

bin Haji Maidin: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Pengerusi kaola ingin merujuk pada Tajuk SL03A Jabatan Belia dan Sukan, Kod 004/003 Pengurusan Kompleks-Kompleks Sukan. Kompleks Sukan adalah aset penting negara yang perlu kekal dalam keadaan terbaik untuk dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat.

Dengan peruntukan lebih \$4 juta di bawah Kod 004/003, perhatian perlu diberikan kepada keberkesanan pengurusan dan penambahbaikan strategik agar fasiliti ini tidak hanya berfungsi tetapi memenuhi keperluan semasa dan akan datang. Antara aspek utama yang boleh ditingkatkan termasuk penyelenggaraan menyeluruh secara berkala bagi memastikan kemudahan seperti lantai gelanggang, trek larian, sistem pengudaraan dan pencahayaan berada dalam keadaan selamat dan selesa.

Selain itu peningkatan kemudahan bilik persalinan, tandas yang lebih bersih serta tempat letak kereta yang mencukupi juga wajar diberikan perhatian bagi menjamin keselesaan pengguna. Dari segi pembangunan strategik, kompleks sukan boleh diperluaskan fungsinya dengan menyediakan ruang tertutup untuk sukan dalaman serta tempat berteduh bagi kawasan terbuka terutama untuk aktiviti luar yang sering terjejas akibat cuaca. Selain itu penggunaan bahan-bahan

lama dan reka bentuk yang lebih mesra alam boleh diterapkan dalam penambahbaikan fasiliti bagi mengurangkan kos penyelenggaran jangka panjang dan meningkatkan daya tahan infrastruktur.

Keperluan untuk laluan khas bagi orang-orang kurang upaya serta kemudahan akses yang lebih baik juga perlu menjadi sebahagian daripada perancangan agar kompleks sukan benar-benar inclusif untuk semua lapisan masyarakat. Oleh itu kaola berpandangan supaya pengurusan kompleks sukan bukan hanya berfokus kepada penyelenggaraan rutin tetapi mengambil pendekatan peningkatan fasiliti secara progresif dan terancang dengan memastikan kompleks sukan lebih *efficient*, tahan lama dan mesra pengguna.

Kita bukan saja menyediakan kemudahan yang berkualiti tinggi tetapi juga menyumbang kepada gaya hidup sihat, pembangunan belia dan keselesaan komuniti secara keseluruhan. Sekian. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Wabillahi taufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmaniir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Kaola sukacita menyentuh Tajuk SL06A Jabatan Pembangunan Masyarakat iaitu Kod 003/000 Perkhidmatan Orang Berkeperluan Khas.

Kaola ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Pembangunan Masyarakat, JAPEM atas peruntukan yang diberikan kepada golongan Orang Kelainan Upaya, OKU. Langkah ini bukan sekadar memenuhi keperluan khas asas tetapi juga memcerminkan keprihatinan dan komitmen terhadap kesejahteraan setiap lapisan masyarakat tanpa pengecualian.

Golongan OKU bukan hanya sebahagian daripada masyarakat kita. Mereka adalah ibu bapa, anak-anak, saudara serta sahabat kita. Mereka mempunyai impian, harapan dan potensi yang perlu terus dipupuk dan tidak boleh diabaikan. Oleh itu usaha serta inisiatif yang telah dan akan dilakukan oleh JAPEM dalam memperkasakan golongan ini amatlah dihargai. Namun lebih daripada sekadar peruntukan kewangan, kita perlu memastikan bahawa sokongan kepada mereka bersifat berterusan menyeluruh dan benar-benar inclusif. Antara langkah yang perlu diberi perhatian ialah; Pertama, Meningkatkan akses kepada pendidikan berkualiti, latihan kemahiran serta peluang pekerjaan yang lebih meluas agar mereka dapat hidup berdikari dan menyumbang kepada ekonomi negara.

Kedua, Memastikan kemudahan mesra OKU di tempat awam, institusi pendidikan, tempat ibadah serta bangunan kerajaan untuk memudahkan mobiliti dan keselesaan mereka; dan Ketiga, Memperkuuh sokongan moral dan sosial agar mereka sentiasa dihargai, diterima dan diberi peluang untuk

memainkan peranan aktif dalam masyarakat. Sekian saja dan terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Chong Chin Yee:

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola ingin bermula dengan menekankan beberapa cabaran yang sedang dihadapi oleh golongan belia pada masa kini. Pasaran pekerjaan telah mengalami perubahan yang amat drastik. Kerjaya tradisional semakin terganggu, otomasi yang semakin mengganti peranan pekerja dan keselamatan pekerjaan yang semakin terancam. Malah apa yang dipelajari oleh para pelajar pada hari ini mungkin tidak lagi relevan apabila mereka menamatkan pengajian.

Selain daripada cabaran pekerjaan, golongan muda juga menghadapi peningkatan kos sara hidup, pendapatan yang tidak stabil serta peluang pekerjaan yang semakin terhad. Dalam masa yang sama, ramai juga yang memikul tanggungjawab menyara ibu bapa yang semakin berusia sambil berdepan dengan risiko jenayah siber, penipuan kewangan dan penyebaran maklumat palsu, *A.I.* Meskipun pelbagai usaha telah dilakukan bagi mengurangkan kadar pengangguran, peluang pekerjaan masih terhad. Jadi, apakah alternatif yang ada untuk belia kita?

Jika mencari nasihat kewangan melalui *Google*, banyak nasihat pakar wewangan menekankan "*Never rely on one income stream*". Bahkan Warren Buffett telah lama menasihatkan "*Never depend on a single income. Make an investment to*

create a second source". Nasihat ini amat penting pada masa kini memandangkan ekonomi yang tidak tertentu dan perubahan teknologi menjadikan kepelbagaian sumber pendapatan salah satu keperluan. Dengan penubuhan Bursa Saham Brunei iaitu *Stock Exchange Brunei*, kita harus memastikan literasi kewangan menjadi keutamaan. Warren Buffett turut memberi peringatan "*Never invest in a business you don't understand*". Justeru sambil kita mengolakan golongan belia untuk meneroka sumber pendapatan alternatif, kita harus memastikan mereka memiliki pengetahuan kewangan untuk membuat keputusan kewangan yang bijak.

Jika merujuk kepada kes jenayah pada tahun 2023, terdapat 834 kes jenayah siber termasuk 123 kes penipuan pinjaman dan wang, 103 kes penipuan pelaburan. Yang lebih membimbangkan ialah 39% daripada mangsa kes jenayah siber adalah golongan belia iaitu 18 hingga 35 tahun. Pada tahun ini pula, Polis Diraja Brunei melaporkan kerugian sebanyak \$5 juta akibat penipuan dalam talian. Hampir dua kali ganda berbanding pada tahun sebelum. Ini menunjukkan bahawa golongan belia bukan sahaja berisiko akibat pasaran pekerjaan yang mencabar tetapi juga ancaman kewangan yang semakin berleluasa. Sehubungan itu, kaola ingin mencadangkan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan pihak berkuasa kewangan seperti *Brunei Darussalam Central Bank* bagi memperkenalkan program literasi kewangan yang merangkumi

perancangan kewangan, risiko penipuan kewangan dan pendidikan pelaburan seperti mengenali Saham Dana Bersama dan Saham Patuh Syariah.

Perkara seterusnya. Kaola mengambil maklum bahawa Peruntukan \$70,000 pada Tahun 2024/2025 di bawah Skim PERKASA bagi program-program pembangunan kapasiti yang diterajui oleh belia. Walau bagaimanapun, pengurusan kewangan yang bijak adalah kunci kelestari organisasi belia. Tanpa rancangan yang kukuh, inisiatif belia mungkin menghadapi kesukaran pengurusan sumber, mengekalkan program atau mencapai kesan yang mampan.

Oleh itu, kaola mencadangkan agar Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memperkenalkan bengkel khas berkaitan pengurusan kewangan bagi melengkapkan belia dengan kemahiran belanjawan dan perancangan strategik untuk organisasi, kecekapan dalam pengurusan dana dan peruntukan sumber kewangan dan strategi kelestarian kewangan jangka panjang bagi inisiatif belia.

Pelaburan dalam pendidikan kewangan bukan sekadar mengurangkan kandungan belia kepada keluarga dan kerajaan, malah ia melindungi mereka dari risiko kewangan serta membolehkan mereka untuk berkembang dalam dunia yang tidak menentu. Belia yang celik kewangan adalah asas kepada negara yang berdaya tahan dan makmur. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Mohammad

bin Abdullah @ Lim Swee Ann:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Kaola menyentuh berkenaan Tajuk SA06A Jabatan Pembangunan Masyarakat Kod 002/000 Perkhidmatan Bantuan Am dan Memperkasa Penerima Bantuan Kebajikan. Objektif ke arah memastikan bantuan diberikan kepada golongan-golongan sasaran terutama kepada warga emas, orang-orang susah, mangsa bencana alam sama ada dalam dan luar negara.

Kaola merujuk kepada Kod 002/003 Bantuan Bencana Alam Perumahan dengan jumlah Peruntukan \$720,440.00. Sepertimana yang kita sedia maklum, bantuan bagi mangsa-mangsa bencana banjir kilat adalah berdasarkan kerosakan harta benda dengan paras air banjir mencapai 0.3 meter membolehkan mereka layak untuk menerima bantuan berkenaan. Pada hemat kaola, banjir kilat memberikan impak besar kepada kerosakan harta benda seperti peti sejuk dan peralatan elektrik yang lain, perabot-perabot rumah terutama sekali yang diperbuat daripada kayu dan bahan yang mudah rosak tidak boleh diperbaiki selepas terendam air.

Sehubungan dengan ini, kaola mencadangkan agar dasar-dasar bantuan dan syarat-syarat penilaian bantuan akibat banjir kilat ini perlu dikaji balik berdasarkan keadaan sebenar *on the site observation* kerosakan yang oleh mangsa-mangsa berkenaan. Bukanlah ianya dinilai berdasarkan ketinggian

paras air sahaja. Mohon pencerahan mengenainya. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya akan mempersilakan kumpulan yang kedua. Mulai dengan Yang Berhormat Awang Haji Mohammad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, diikuti dengan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Yang Berhormat Dr Awang Haji Mahali bin Haji Momin dan Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Awang Haji Mohammad Danial @ Tekpin bin Ya'akub: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola membahaskan bagi Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan dibawahnya bagi Tahun Kewangan 2025/2026 yang berjumlah \$8,082,900 bagi melaksanakan rancangan-rancangan kemajuan kementerian ke arah mencapai matlamat maju 2035.

Kaola menyentuh berkenaan dengan Tajuk SL04A, Muzium-Muzium. Muzium adalah tempat yang penting untuk menyimpan dan memelihara serta memamerkan warisan budaya, sejarah dan seni. Kepentingan mewujudkan muzium atau galeri di satu-satu kawasan atau tempat bukan sahaja baik untuk penduduk tempatan tetapi juga kepada masyarakat umum dan negara secara

keseluruhan kerana ianya menyumbangkan kepada memelihara warisan sejarah dan budaya tempatan. Di samping itu juga memberikan manfaat kepada pendidikan dan pembelajaran serta tarikan kepada pelancongan, dalam masa yang sama ianya juga memajukan pembangunan ekonomi setempat. Oleh itu, pembangunan muzium atau galeri adalah langkah penting dalam mengukuhkan identiti budaya Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan dengan ini, kaoala memohon pencerahan selain daripada Taman Warisan Tasek Merimbun, apakah perancangan pihak berkenaan mewujudkan sebuah galeri sebagai wadah mengetengahkan warisan sejarah, budaya dan keseniaan bagi Daerah Tutong? Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty bin Haji Abdul Mumin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Merujuk SL01A – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Kaola ingin membangkitkan dua perkara:

Yang Pertama, RKN 1211 Memajukan Industri Pelancongan, Kemudahan Awam dan Alam Sekitar. Kaola merujuk 1211/01, Penubuhan Perpustakaan Negara, NADIR dan Galeri Kebangsaan di Dewan Majlis. Jumlah peruntukan sebanyak \$10,200,000.00 dan bajet bagi Tahun Kewangan 2025/2026 sebanyak \$102,000.00.

Merujuk kepada Tajuk SL01A Kod RKN 1211/010, kaola memohon pencerahan

mengenai matlamat utama Penubuhan Perpustakaan Negara, NADIR dan Galeri Kebangsaan di Dewan Majlis termasuk kriteria pemilihan tempat pembinaan. Memandangkan Dewan Majlis adalah tempat yang terkawal, soalan kaola adakah ia akan dibukakan kepada orang awam? Siapakah kumpulan sasaran yang akan mendapat manfaat daripadanya? Mengambil kira peruntukan yang tinggi, sejauh manakah inisiatif ini dapat menjana atau menyumbangkan kepada hasil negara?

Soalan yang kedua, merujuk kepada SL06A Jabatan Pembangunan Masyarakat. Merujuk kepada petunjuk-petunjuk prestasi KPI bagi Tajuk SL06A iaitu KPI yang ketiga, peratus perlepasan terlatih Orang Kurang Upaya mendapat pekerjaan. *KPI* yang keempat, jumlah atau peratus penerima bantuan yang mendapat pekerjaan, yang Kelima peratus penerima keluar dari Program Bantuan Kebajikan. Memandangkan *KPI* ini penting untuk menilai keberkesanannya program yang ada untuk mereka berdikari dan meningkatkan sosioekonomi, kaola mohon pencerahan mengapakah ketiga-tiga *KPI* ini tidak mempunyai sasaran bagi tahun-tahun kewangan 2025 sehingga 2028? Apakah inisiatif kementerian untuk menjalankan analisis pembangunan terperinci *Detailed Development Analysis* untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan dan kegagalan dalam mencapai matlamat *KPI* tiga, empat dan lima. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Haji Awang

Sulaiman bin Haji Nasir: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Berhormat Pengerusi.

Alhamdulillah, kaola mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan bagi membahaskan belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi peruntukan Tahun Kewangan 2025/2026. Kaola menyentuh Tajuk SL06A Jabatan Pembangunan Masyarakat, dengan peruntukan berjumlah \$22.1 juta merujuk kepada Kod 002/000, Perkhidmatan Bantuan Am dan Memperkasa Penerima Bantuan Kebajikan.

Antara objektif jabatan, mewujukkan program yang bertujuan golongan kurang upaya mendapatkan pekerjaan serta menggalakkan budaya keusahawanan di kalangan penerima bantuan. Berdasarkan petunjuk prestasi, peratus penerima keluar dari program bantuan adalah sangat rendah, iaitu anggaran tahun 2023/2024, 5% dan peratus sebenar adalah 3% sahaja. Begitu juga anggaran tahun 2024/2025 adalah 5%, usaha keluar dari kemiskinan memerlukan pendekatan yang menyeluruh dan berterusan melalui *whole-of-government* dan *whole-of-nation*.

Selain daripada bantuan kewangan langsung, aspek seperti pendidikan, kemahiran peluang pekerjaan dan sokongan sosial adalah penting dalam

membentuk masyarakat yang lebih sejahtera dan bebas daripada kemiskinan. Kerjasama antara kerajaan, masyarakat dan sektor swasta dalam memastikan golongan ini mendapat akses kepada peluang yang lebih baik adalah kunci kepada perubahan positif yang berpanjangan.

Sehubungan dengan ini, kaola memohon pencerahan dari jumlah 3% yang dicapai, apakah bentuk kejayaan yang dicapai sehingga mereka keluar daripada Program Bantuan Kebajikan? Dan apakah jumlah penerima bantuan ini semakin bertambah? Adakah langkah-langkah ke hadapan pihak kerajaan untuk memperkasakan program-program berkaitan dengan kerjasama pihak swasta? Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebelum Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim ikut serta dalam perbahasan ini. Saya ingin *flag* pendapat yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee dan perkara ini saya kira adalah sangat relevan bukan sahaja kepada Kementerian Kebajikan, Belia dan Sukan terutamanya yang berhubung dengan belia-belia tetapi juga barangkali kepada Kementerian Pendidikan. *I think* apa namanya ni, perkara ini juga telah pun dibawa oleh

beberapa orang Ahli sebelum ini. Keperluannya kita apa namanya ni, memikirkan masa hadapan keperluannya kita *reinvent* apa namanya ni, peluang-peluang pekerjaan apa namanya ni, memandangkan kepesatan dunia teknologi yang berkembang pada ketika ini. Jadi kalau diliat beberapa bukan tahun tetapi beberapa bulan yang lalu *cryptocurrency* misalnya apa namanya ni sesuatu yang kurang disenangi tetapi dengan adanya keadaan yang sekarang *cryptocurrency* sudah apa namanya ni *coming forward* sebagai sesuatu yang boleh diperdagangkan. Jadi soal-soal seperti ini saya kira barangkali seharusnya kita tidak boleh duduk diam sebab sekiranya kita diam dan kita akan setentunya tertinggal daripada keadaan sebenarnya. *Sorry*, silakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam Sejahtera. Kaola hanya akan menimbulkan beberapa perkara saja.

Pertama, kaola perhatikan pada Tahun Kewangan lepas Kod 004/006 Bantuan Pembangunan Belia telah disediakan peruntukan \$1.13 juta, akan tetapi pada Tahun Kewangan 2025/2026 ini peruntukan yang disediakan hanyalah sebanyak \$80 ribu sahaja. Ke arah itu,

kaola memohon pencerahan mengenai rasional penurunan yang drastik ini dan adakah bantuan yang dihulurkan selama ini telah dapat mencapai sasaran yang terdapat dalam Program Pembangunan Belia ini?

Kedua, juga dalam kod yang sama semasa lawatan Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara ke Pusat Pembangunan Belia, kita telah menyaksikan inisiatif kementerian untuk membangun belia yang boleh berdikari dengan mengadakan latihan-latihan kemahiran misalnya seperti tukang gunting, jahitan, membuat kuih-muih dan ada juga jurusan mengimpal kereta dan sebagainya.

Ke arah itu, kaola ingin mendapatkan penjelasan pada dua perkara. Pertama, apakah usaha yang dilakukan oleh kementerian untuk membantu belia-belia ini untuk mendapatkan akses pada pemodalran kewangan? Maksud kaola bukanlah secara *handouts* tetapi lebih berbentuk perundingan dengan agensi institusi-insitusi kewangan tempatan yang ada, supaya institusi kewangan ini akan lebih yakin dalam menghulurkan pinjaman kewangan kepada belia-belia ini untuk memulakan bisnes mereka.

Dan kedua, apakah perubahan-perubahan dasar dan peraturan yang boleh membantu belia-belia ini menggunakan bidang kemahiran mereka misalnya sebagai *plumber*, *air-conditioning maintenance*, pengimpalan kereta, *technician* dan mungkin juga pendawaian elektrik yang pada masa ini

kebanyakannya dikuasai oleh pekerja-pekerja luar.

Maksud kaola, misalnya dalam mengenakan syarat tertentu supaya pekerjaan seperti ini hendaklah mempunyai sijil-sijil khusus keluaran inisitius yang diiktiraf di negara ini. Ini bukan saja akan memberi *business* kepada lepasan belia ini, malahan ia akan meningkatkan *standard* pekerjaan dan dalam waktu yang sama mengurangkan pergantungan negara pada tenaga luar dalam bidang-bidang yang boleh dikendalikan oleh belia-belia ini.

Yang terakhir, kaola ingin menyentuh mengenai satu Petunjuk Prestasi Utama Jabatan Belia dan Sukan iaitu jumlah program, projek dipimpin oleh belia yakni *Youth Lead* yang disasarkan sebanyak 150 projek/program pada Tahun Kewangan 2025/2026 dan seterusnya meningkat bilangannya dengan pertambahan 50 projek/program setiap tahun.

Alhamdulilah, satu inisiatif yang berkebajikan. Ini bukan saja akan mendedahkan belia-belia yang terlibat dengan pengalaman yang berguna malahan akan memberikan peluang keemasan kepada mereka untuk menjadi pengurus-pengurus yang berpengalaman, berpotensi, berjaya dan berwibawa di masa akan datang.

Kaola hanya ingin memohon pencerahan apakah kriteria-kriteria yang digunakan bagi pemilihan belia-belia ini dan apakah latihan-latihan khusus yang diberikan kepada pemimpin-pemimpin belia ini

agar kepimpinan mereka akan dapat ditingkatkan selaras dengan kehendak negara. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Kaola merujuk SL01A KKBS Jabatan Kebudayaan, Belia dan Sukan, *KPI* Jumlah Belia Mengikuti Program Khidmat Bakti Negara, PKBN. Merujuk kepada Petunjuk Prestasi Utama Tajuk SL01A Jumlah Belia Mengikuti Program Khidmat Bakti Negara, apakah pencapaian dan impak yang diperolehi oleh para lepasan PKBN? Adakah program ini telah mencapai objektif yang disasarkan? Jabatan disarankan untuk memperkenalkan satu lagi *KPI* yang lebih tetap dalam menilai keberkesanannya program ini dalam membentuk jati diri belia. Ini penting bagi mengenalpasti sejauh mana PKBN berjaya menlahirkan belia yang berdaya saing, mampu menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi negara.

Dan seterusnya SL04A KKBS Jabatan Muzium-Muzium, Kod 004/000 Program Penyelidikan dan Penerbitan sebanyak \$1,049,240. Merujuk Tajuk ini, Program Penyelidikan dan Penerbitan dengan peruntukan \$1,049,240, mohon pencerahan apakah jenis-jenis yang telah dicapai melalui Program Penyelidikan dan Penerbitan ini? Apakah jenis-jenis penyelidikan dan penerbitan yang telah dijalankan dibawah program

ini dan bagaimana ia memberikan impak kepada penyebaran-penyebaran ilmu pengetahuan. Sekian saja, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin: Bismillahir Rahmanir Rahim, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola mempunyai tiga ke empat soalan. SL01A Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, RKN 1214 Pembangunan Industri Kreatif, *Creative Culture Industry Hub* bernilai \$31 juta. Tentu komuniti kreatif dan kebudayan merasa teruja dan tertunggu-tunggu akan terbinanya hab ini. Bagi pihak mereka kaola mohon pencerahan mengenai objektif dan butiran lanjut dan adakah rancangan untuk mengambil pandangan dari golongan-golongan komuniti kreatif dan budaya sebagai *stakeholder* yang penting. Mereka berharap kalau dapat diberikan awal rancangan-rancangan atau aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan di hab ini dan bagaimana hab yang akan dibina ini menyokong perkembangan industri mereka dan membuka peluang-peluang pekerjaan dan sasaran petumbuhan ekonomi negara.

SL06A Jabatan Pembangunan Masyarakat. Kod 004/000 Institusi Keluarga yang mempunyai bajet emolumen gaji \$966 ribu dan belanjawan berulang turun dari \$30 ribu ke \$15 ribu. Terdapat penurunan dalam Pebelanjaan Berulang dari Bajet bagi Pengurusan Kebajikan Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak. Bagaimanakah kementerian

merancang untuk memastikan bahawa keperluan kebajikan keluarga, wanita dan kanak-kanak tetap dipenuhi walaupun peruntukan dikurangkan memandangkan kumpulan ini adalah *vulnerable group* yang perlu dipantau dan dibantu.

Kod 005/003 Pengukuhan Jaminan Sosial, bajet \$4,454,000. Kalau bangkitkan dengan Pembangunan Masyarakat Penaiktarafan Hidup Warga Emas. Dari kenyataan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ada 46 ribu rakyat menerima pencen tua dan ada sebahagian daripada mereka menerima bantuan-bantuan tertentu seperti orang daif, golongan OKU sebagainya. Namun begitu ada sebahagian warga emas hanya bergantung penuh kepada sara diri sepenuhnya kepada pencen \$250 sebulan dan tidak layak menerima mananya bantuan kewangan. Kadar pencen tua \$250 ini adalah di bawah tahap kos minima keperluan asas iaitu yang didasarkan Brunei sebagai \$283, maka dengan sendirinya mereka ini termasuk dalam golongan fakir miskin. Kaola berpendapat sudah masanya kita mengetahui dan memantau berapakah jumlah penduduk yang dalam kategori yang di bawah kos minima keperluan asas ini dan apakah langkah-langkah kerajaan untuk meningkatkan bantuan demi menaikkan taraf hidup mereka.

Kod SL06A Jabatan Pembangunan Masyarakat Bantuan Am. Perubahan iklim nyata ada memberi kesan kepada kehidupan seharian dan peningkatan

kekerapan serta tahap keterukan bencana alam adalah *real*. Kos pemeliharaan sering tidak dilindungi insurans, apakah langkah kerajaan untuk dalam menolong memperkasakan komuniti untuk menangani kesan bencana secara berdikari dalam menyediakan bantuan seperti pinjaman faedah rendah untuk mereka membaiki rumah sendiri yang telah terjejas dan oleh kesan bencana alam dan membantu mereka dengan *loan* murah dan rendah untuk menjadikan dan membaiki rumah-rumah mereka yang telah rosak.

Wassalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Untuk perhatian barangkali, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sekiranya, soalan-soalan itu sudah dijawab terlebih dahulu dalam, apa namanya ni, ucapan Yang Berhormat maka tidaklah perlu ditimbulkan semula.

Saya akan membaca sekarang membacakan kumpulan yang ketiga dan juga terdiri daripada enam orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang suka untuk membahaskan Tajuk ini. Bermula dengan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, diikuti dengan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yussof, Yang Berhormat Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam, Yang Berhormat Awang Mohamad Ali dan

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman. Silakan.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi, Alhamdulillah, terima kasih di atas peluang membahaskan Belanjawan bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta jabatan-jabatan di bawahnya dengan peruntukan Perbelanjaan Kemajuan Tahunan Kewangan 2025/2026 bagi melaksanakan misi dan visinya ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Kaola menyentuh berkenaan dengan hala tuju dan kemajuan hala seni dan kebudayaan Negara Brunei Darussalam yang mana negara kita sebenarnya kaya dengan khazanah dan warisan seni serta budaya yang diwarisi sejak zaman berzaman. Sememangnya adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk memertabatkan seni warisan ini dan usaha ke arah memperkasakannya adalah penting ke arah menyumbang kepada pembangunan industri tempatan.

Kaola pernah menyuarakan berkenaan dengan penubuhan Akademi Seni Negara bertujuan sebagai wadah ke arah kemajuan seni dan kebudayaan Negara Brunei Darussalam pada Musim Permesyuaratan ke-19 dan sebagai respon pihak kementerian dalam rangka

menyediakan satu buku kurikulum Akademi Seni sebagai panduan dalam melestarikan seni budaya Brunei untuk memberikan kefahaman tentang budaya dan adat serta memberikan pendedahan ilmu dan kemahiran dalam seni muzik tradisional, seni tarian, penulisan kreatif, seni persembahan tradisional dan kontemporari ke arah merealisasikan akademi berkenaan. Dalam pada itu, kaola memohon pencerahan apakah perkembangan terkini berkenaan dengan cadangan penubuhan Akademi Seni.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yussof: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Kaola ingin merujuk kepada sebelum itu, kaola sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin merujuk Tajuk SL01A Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dibawah Kod 1214/005 Pembangunan Industri Kreatif, *Cultural Industries Hub and Community Library*. Alhamdulillah, kaola menyokong peruntukan sebanyak \$317,500 bagi tahun 2025/2026 daripada harga rancangan \$317.5 juta di bawah Tajuk ini. Ianya mencerminkan komitmen kerajaan untuk meningkatkan lagi kemudahan dan fasiliti industri kreatif dan budaya yang pastinya akan

memberikan impak besar kepada masyarakat khususnya dalam memberikan ruang untuk mengembang dan memperkuatkan lagi sektor industri budaya dan kreatif. Selain itu pembangunan *community library* ini juga akan memberi manfaat kepada golongan muda termasuk penuntut-penuntut dan komuniti umumnya untuk meningkatkan literasi dan penyebaran ilmu dan pengetahuan dalam masyarakat. Walau bagaimanapun, kaola memohon pencerahan mengenai peruntukan yang disediakan bagi sesi 2025, adakah ianya merangkumi pembangunan infrastruktur utama atau lebih kepada kos perancangan dan penyediaan plan induk?

Keduanya, kaola ingin memohon penjelasan juga apakah status perkembangannya dalam dan juga serta perancangan dan strategi kementerian dari segi kesinambungan terhadap pembangunan *CCI Hub* dan *Community Library* bagi memastikan projek ini dapat dilaksanakan mengikut rangka jadual yang dihasilkan dan seterusnya memberikan kesan berterusan kepada perkembangan sosi ekonomi rakyat dan penduduk negara ini dan Insya Allah, sekaligus menepati sasaran utama Wawasan Brunei 2035: Rakyat Berpendidikan Tinggi dan Berjaya.

Ketiga, kaola ingin merujuk kepada SL01A dibawah Kod 003/000 Kebudayaan Kesenian yang berkaitan juga dengan Kod 002/000 Pensejarahan Negara Brunei Darussalam di bawah Pusat Sejarah.

Seperti kita sama maklumi, fungsi dan bidang tugas utama Bahagian Kebudayaan dan Kesenian adalah betanggungjawab untuk memperkembangkan, meninggikan nilai kebudayaan kebruneian secara menyeluruh dengan hasrat bertindak sebagai jentera penggalis segala akar umbi dan sumber kekayaan Brunei dan juga selaku media atau agensi pengembang kebudayaan tersebut disamping menjamin pelaksanaan prinsip asasnya iaitu konsep nNegara Melayu Islam Beraja. Seperti contoh, adat istiadat dalam majlis perkahwinan, hadrah benendong, kesenian hadrah dan seterusnya. Ianya adalah, apa ni, semakin terkikis.

Apa yang dapat diperhatikan juga, golongan muda pada masa ini nampak-nampaknya sudah kurang mengambil berat dan kurang peka mengenai sejarah kebudayaan dan adat istiadat kebruneian. Adalah juga difahami, matlamat Pusat Sejarah ditubuhkan adalah untuk memasyarakatkan persejarahan negara kepada rakyat dan penduduk negara ini. Ini termasuklah juga mengadakan pameran yang berkaitan dengan pensejarahan Brunei untuk memberikan kefahaman terhadap perkembangan sejarah di negara ini.

Sehubungan dengan ini, kaola memohon pencerahan apakah strategi dan inisiatif-inisiatif Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam usaha meningkatkan pemberitaan supaya lebih memacu bagi memperkuatkan jati diri lebih terarah dengan berasaskan kepada konsep

Melayu Islam Beraja di samping memertabatkan budaya, warisan dan kebruneiannya. Sekian, Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Haji Mohd. Salleh

Bin Haji Othman: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola merujuk kepada tajuk SL04A Muzium-Muzium dengan jumlah Belanjawan \$8.1 juta. Kaola menyambut baik inisiatif kerajaan sejak tahun 2015 bagi memastikan pemuliharaan dan pemeliharaan warisan sejarah negara antaranya Taman Arkeologi Kota Batu pada tahun 2015, Muzium Daerah Belait pada tahun 2016, memulihara Makam Sultan Bolkiah dan Sultan Sharif Ali pada tahun 2020, Hub Tenaga Dermaga Diraja pada tahun 2022 dan Konservasi Masjid Omar 'Ali Saifuddien dan Tapak Arang Batu pada tahun 2024.

Kaola juga difahamkan melalui Akta Perintah Barang-Barang Purba Kala Dan Harta Terpendam sebanyak 27 tapak bersejarah dan 15 monumen dan 12 Makam Diraja. Sehubungan dengan ini, kaola memohon pencerahan adakah masih lagi ada dikenal pasti tapak-tapak yang terbaru yang bersejarah dan apakah perancangan ke arah mempertabatkan nilai-nilai sejarah seperti kuala balai, jeti-jeti lama di Kampung Kuala Tutong dan Kampung Danau. Dan untuk langkah ke hadapan apakah pihak

kerajaan berhasrat untuk mendapatkan pengiktirafan pertubuhan pendidikan saintifik dan Kebudayaan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu, UNESCO bagi tempat-tempat yang bersejarah yang ada. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Dayang Hajah

Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Soalan koala, soalan ini koala mulakan dengan Tajuk SL04A Jabatan Muzium-Muzium. Kaola merujuk kepada anggaran perbelanjaan kemajuan bagi Tajuk ini Kod RKN 1211-005, iaitu Membuat Pulih dan Menaik Taraf Muzium-Muzium Brunei dan Bangunan Pameran Kota Batu. Jumlah keseluruhan harga RKN adalah \$7,277,967.00 dengan Anggaran Perbelanjaan bagi Tahun Kewangan 2025/2026 ini sebanyak \$6,122,741.00. Kaola memohon penjelasan mengenai projek ini samada iaanya meliputi penaiktarafan ketiga-tiga muzium yang terletak di kawasan Kota Batu, memandangkan muzium masih lagi beroperasi juga di kawasan berdekatan juga berada dalam keadaan yang kurang memuaskan terutamanya dari segi penyelenggaraan dan bahan pameran yang agak statik. Penambahbaikan ini kaola rasakan amat diperlukan untuk memastikan muzium-muzium ini akan dapat menarik lebih ramai pengunjung serta berpotensi tinggi sebagai pusat

pembelajaran dan kelestarian warisan sejarah.

Memandangkan ketiga-ketiga muzium yang terletak berhampiran dan dikelilingi beberapa tapak warisan sejarah yang penting di kawasan Kota Batu, kaola juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan agar disediakan kemudahan akses yang menghubungkan muzium-muzium ini dengan tapak-tapak warisan sejarah yang ada seperti pembinaan *walking trail* atau laluan berjalan kaki *interactive*. Mengambil kira keperluan *accessibility* untuk orang-orang kelainan upaya dan warga emas supaya dapat dimanfaatkan oleh semua lapisan masyarakat dengan pelbagai keperluan.

Kaola percaya dengan perancangan yang strategik, kawasan ini mampu dibangunkan sebagai sebuah *hub* warisan sejarah yang unggul yang bukan sahaja akan menarik lebih ramai pelancong *domestic* dan antarabangsa tetapi juga meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap warisan budaya kita. Perkembangan ini, insya Allah akan dapat memberikan impak positif terhadap industri perlancongan serta menyumbang kepada pertumbuhan hasil negara dalam jangka masa yang panjang.

Seterusnya, kaola ada beberapa soalan berkaitan Tajuk SL06A Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kod 004/003 iaitu Program Pemulihan dan Perlindungan dengan anggaran perbelanjaan bagi Tahun Kewangan

2025/2026 sebanyak \$359,000.00. Kaola mohon pencerahan sejauh manakah program-program yang dirancang bagi pusat penjagaan kanak-kanak mampu menangani punca utama masalah-masalah sosial yang membimbangkan berlaku dalam kalangan remaja dan kanak-kanak yang ditempatkan di pusat berkenaan. Adakah terdapat bukti kejayaan dalam mengurangkan isu-isu ini secara signifikan yang dapat dikongsikan.

Bagaimanakah anggaran perbelanjaan yang diperuntukkan ini mampu menyokong perkhidmatan pemulihan, pendidikan dan kebajikan yang berkualiti dan berkesan kepada kanak-kanak di pusat penjagaan kanak-kanak tersebut. Kaola yakin pelaburan dalam pendidikan, pemulihan dan kebajikan kanak-kanak ini adalah penting dan menjadi asas kepada pembangunan masykarat jangka panjang. Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan program-program yang diambil kekal relevan dengan cabaran sosial terkini dan apakah *mechanism* pemantauan ataupun program susulan selepas remaja dan kanak-kanak berkenaan dilepaskan daripada pusat tersebut? Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Tadi ada salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat yang merujuk pada Dewan Majlis dan pembangunan galeri. Saya kira ini bukanlah dewan ini, ini adalah *referencenya* kepada bangunan

lama iaitu Dewan Majlis yang lama berhadapan dengan Bangunan Lapau. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Sukacita kaola merujuk Tajuk SL05A Pusat Sejarah Brunei. Alhamdulillah Pusat Sejarah Brunei telah pun mencapai sasaran sebagai pusat kecemerlangan sejarah dan kesultanan Brunei tahun 2023, selaras dengan inisiatif-inisiatif utama sektor kebudayaan dalam Pelan Strategik KKBS 2020 - 2024. Sebagai pusat kecemerlangan sejarah dan kesultanan Brunei sejak tahun 2023, PSB telah merancang dan melaksanakan pelbagai inisiatif dan program yang disejajarkan dengan inisiatif-inisiatif utama sektor kebudayaan yang menjurus kepada Pelan Strategik KKBS 2020-2024 khususnya untuk menghasilkan penyelidikan dan penerbitan yang berkualiti dan juga dalam meningkatkan pembangunan kapasiti.

Dalam hubungan ini, kaola sukacita ingin mengetahui apakah status pencapaian PSB, sebagai pusat kecemerlangan sejarah dan kesultanan Brunei terutama mengenai pembangunan kapasiti dalam meningkatkan tenaga pakar pegawai-pegawai PSB yang masih kurang khususnya kelulusan PhD atau Doktor Falsafah. Sebagai kecemerlangan, PSB

memerlukan pegawai-pegawai pakar sebagai pelapis dan juga penerus *legacy* mantan PSB untuk terus menyelidik, mendokumentasi, menulis dan menerbitkan persejarahan kesultanan Brunei yang kita cintai.

Kaola juga sukacita ingin mengetahui apakah perancangan sumber tenaga manusia PSB, termasuk perancangan penggantian, iaitu *succession planning* 5 tahun ke depan bagi meningkatkan pembangunan kapasiti untuk mewujudkan lagi lebih ramai pegawai-pegawai PSB yang mahir dan pakar dalam pelbagai bidang khususnya seajar dengan peranan Pusat Sejarah Brunei sebagai pusat kecemerlangan sejarah dan kesultanan Brunei di negara ini khususnya dan di rantau Borneo amnya. itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi, sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Kaola ingin merujuk pada Petunjuk Prestasi Utama lepasan Pusat Pembangunan Belia, PPB yang dapat berkecimpung dalam Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana, MKS yang disasarkan kepada 15% sahaja sementara peratus yang mendapat pekerjaan disasarkannya sekadar 50%. Kaola memohon pencerahan bidang

mana MKS banyak berkecimpung? Adakah ia akan dapat membantu PPB memberi fokus dalam program-program yang sedang berjalan? Dan di kalangan yang mendapat pekerjaan di dalam industri apa? Dan adakah ia ada hubungkait dengan program yang mereka ikuti?

Kaola berkesempatan mengadakan lawatan ke Pusat Pembangunan Belia bersama Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain dan melihat beberapa program yang telah pun berjalan. Pada hemat kaola, pada keseluruhannya, program-program yang diadakan adalah berfaedah kepada peserta-peserta Pusat Pembangunan Belia. Tetapi melihat daripada peratus yang berjaya untuk berkecimpung dalam Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana dan yang mendapat pekerjaan, kaola berpendapat sasaran ini masih boleh diperbaiki. Salah satunya masalahnya ialah kerana ketiadaan dana untuk memulakan perniagaan sendiri. Yang kedua, tidak ada keyakinan diri untuk membuka perniagaan sendiri dan memerlukan dorongan dan sokongan serta nasihat dari pihak PPB.

Ketiga, kaola berpendapat perlu dipertimbangkan membantu dari segi penyediaan premis-premis perniagaan yang termampu oleh mereka. With *nominal rent* ataupun tanpa bayaran sewa pada awal *startup* perniagaan mereka. Bagi tujuan untuk mencari pekerjaan, kaola berharap pihak Pusat Pembangunan Belia akan sentiasa meneroka bidang pekerjaan mana yang diperlukan dan terdapat di pasaran dan

membuat penyesuaian ke atas program-program mereka, agar pengikut-pengikut ataupun peserta PPB ini boleh menceburι bidang pekerjaan tersebut.

Akhir sekali di bawah Tajuk ini, kaola menekankan betapa pentingnya peranan PPB dalam memberi peluang kepada belia untuk berdikari. Kaola seterusnya ingin merujuk kepada Tajuk 004/001 Pengurusan Belia dan Sukan. Pada keseluruhannya, sukan di negara ini kurang menyerlah, kecuali dalam beberapa acara sukan sahaja seperti wusyu dan silat. Peruntukan di bawah 003/001, sebanyak \$240 ribu bagi Membina Perkembangan Keupayaan. Pada pendapat kaola adalah kecil bagi mentransformasi sukan di negara ini ke tahap *competitive* atau di sukan antarabangsa, *international competitiveness*.

Kaola berpendapat, walaupun Brunei ingin mengembangkan *a variety of sports*, kita fokus saja kepada meningkatkan beberapa sukan sahaja seperti bola sepak, badminton, golf dan sebagainya, di samping wusyu dan silat yang sudah mempunyai kejayaan masing-masing. Kaola juga menyarankan agar kerjasama dan *partnership* dijalin bersama Sekolah Sukan di bawah Kementerian Pendidikan bagi mengenal pasti awal potensi di kalangan pelajar-pelajar. Berkaitan dengan ini juga, kaola merujuk kepada Tajuk 005/001, Perkembangan Keupayaan yang peruntukan diberi sebanyak \$300 ribu Perbelanjaan Berulang-Ulang. Kaola ingin pencerahan Tajuk ini dan hasil dari

penyelidikan sukan yang pernah diadakan.

Akhir sekali, kaola mengalu-alukan peruntukan di bawah perbelanjaan kemajuan bagi membaiki dan menaik taraf Stadium Negara Hassanal Bolkiah dan beberapa kompleks sukan di negara ini dan berharap ia akan dapat dilaksanakan segera.

Sekian. Sekali lagi, kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi atas kesempatan untuk berbahas.

Wabillahi taufik walhidayah Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang saya akan menjemput Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk memberikan responsnya terhadap perbahasan yang telah pun dikemukakan dan oleh sebab perkara-perkara yang ditimbulkan berkisar kepada beberapa, apa namanya ni, kawasan dan memerlukan pemikiran yang panjang, maka saya memberikan kebenaran kepada Yang Berhormat Menteri untuk memakan, apa ansi, menggunakan masa yang lebih panjang sedikit lah daripada biasa untuk memberikan responsnya. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Bismillahir Rahamanir Rahim. (*Doa dibaca*).

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu peramba/kaola/saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan junjung kasih atas semua soalan-soalan serta cadangan-cadangan yang diajukan.

Secara amnya, anggaran Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi Tahun Kewangan 2025/2026 ini, dibentuk dengan pendekatan yang berasaskan bukti dan amalan-amalan terbaik. Ia adalah bagi memastikan sumber-sumber yang diperuntukkan menghasilkan kualiti perkhidmatan dan impak program-program intervensi tanpa menjelaskan kesejahteraan masyarakat khususnya golongan-golongan sasaran. Insya Allah, peruntukan ini akan dioptimakan sepenuhnya dalam mempertingkatkan lagi pemberian perkhidmatan yang berkualiti ke arah merealisasikan bangsa Brunei yang cemerlang.

Oleh itu, bagi menjawab pertanyaan-pertanyaan Ahli-Ahli Yang Berhormat, peramba/kaola/saya akan cuba menjawab sebaik mungkin dalam tempoh masa ataupun kelonggaran masa yang diberikan. Walau bagaimanapun, bagi soalan-soalan yang memerlukan penjelasan yang lebih terperinci, insya Allah, pihak kementerian abiskaola akan memberikan maklum balas mengenainya secara bertulis nanti dan mengalu-alukan

kerjasama daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam sama-sama merealisasikan hasrat kementerian untuk melahirkan perkara ini.

Izinkan kaola beralih kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, yang mana kaola bagi pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sangat berterima kasih dan juga sukacita menyambut baik mengenai cadangan melaksanakan Program Literasi Kewangan, khusus bagi belia yang bertujuan untuk melengkapkan mereka dengan kemahiran dan kecekapan pengurusan kewangan jangka panjang.

Ini sebenarnya adalah sejajar dengan Matlamat Dasar Belia Negara dan Strategi 2020/2035, iaitu menjana belia yang berwawasan yang holistik dari semua aspek. Jadi, sukacita kaola kongsikan bahawa perkara ini memang dalam perancangan kementerian melalui Jabatan Belia dan Sukan bagi memperkasa persatuan-persatuan dan pergerakan belia dalam kemahiran pengurusan kewangan dan tadbir urus ataupun apa yang kitani kenali sebagai *governance*.

Sebagai tambahan, pihak Majlis Kebangsaan Celik Kewangan yang mana Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan merupakan salah seorang ahli dalam majlis berkenaan memang sedang giat melaksanakan beberapa program yang menjurus kepada peningkatan celik kewangan termasuk kesedaran mengenai penipuan kewangan di Negara

Brunei Darussalam seperti jerayawara kesedaran kewangan dengan kerjasama pihak-pihak yang berkepentingan.

Di bawah Majlis Kebangsaan Celik Kewangan, terdapat tiga *pillars* dari penggal tahun 2018 hingga tahun 2022 yang mana telah berjaya dilaksanakan mengikut KPI yang telah ditetapkan yang mana di bawah *pillars* itu, penghasilan dan pelajaran *Brunei Darussalam Financial Literacy Competency Framework* bagi peringkat rendah iaitu *primary* yang telah dilaksanakan pada tahun 2021 dan bagi peringkat menengah dan pra universiti pada tahun 2023. Jadi dalam hubungan ini, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan sangat mengalu-alukan kerjasama untuk langkah ke hadapan bersama dengan Majlis Belia Brunei atau mananya persatuan atau pergerakkan belia tampil ke hadapan bagi bekerjasama dengan Kementerian ini dan pihak MMKCK, ke arah mengikuti serta memanfaatkan program-program yang sedia ada. Jadi itu saja jawapan kaola mengenai dengan program literasi kewangan.

Kemuadian kaola beralih kepada soalan Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin dan juga, kalau kaola diizinkan untuk menggabungkan dengan soalan Yang Berhormat Lau How Teck iaitu mengenai dengan pengurusan kompleks sukan yang progresif dan terancang bagi menyumbang pada gaya hidup sihat, pembangunan belia dan keselesaan komuniti secara keseluruhan dan kaola sekali lagi mengucapkan berbanyak

terima kasih atas soalan berkenaan. Abis kaola mengambil baik akan pandangan Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi dan ini sudah setentunya adalah seiring dengan dasar dan strategi Kementerian dibawah strategi Pembangunan dan Pengurusan Prasarana Sukan seperti mana yang diterangkan semasa Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah pada 4hb Mac 2025. Secara dasarnya, penambahbaikan dan penaik tarafan prasarana-prasarana sukan adalah dilaksanakan secara berfasa dan berperingkat-peringkat ianya mengikut keutamaan dan *priority* pulangan jangka panjang, *liability*, keselamatan serta peruntukan yang terancang dan berhemah.

Memang kita berharap untuk semua kemudahan-kemudahan anj dapat dibaikki dan dinaik taraf tapi dengan peruntukan yang terhad kita perlu merancang secara berkeutamaan. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, terdapat sejumlah 37 kompleks dan fasiliti sukan yang telah disediakan diseluruh negara. Sebahagian besar daripada kompleks ini telah beroperasi sejak tahun 1999 dan sudah setentunya dalam tempoh jangka masa yang panjang itu ianya memerlukan penyelenggaraan yang berterusan bagi keselamatan dan keselesaan pengguna. Dengan peruntukan sebanyak \$4 juta, keutamaan diberikan kepada aspek penyelenggaraan yang kritikal seperti struktur bangunan, sistem pencahayaan, sistem pengudaraan dan kemudahan asas termasuk bilik persalinan dan tandas. Namun demikian, perlu

ditekankan bahawa jumlah ini bukan untuk kompleks sukan tetapi ia juga merangkumi untuk pemeliharaan keseluruhan aset-aset lain dibawah kawalan Jabatan Belia dan Sukan seperti pusat perubatan, penyelidikan sains sukan, pusat-pusat belia serta pejabat cawangan Jabatan Belia dan Sukan di daerah-daerah di seluruh negara.

Jadi Jabatan Belia dan Sukan telah menyusun senarai pemberbaikan dan penaik tarafan secara strategik mengikut keperluan dan keutamaan di setiap daerah dan juga mengikut segala yang diperlukan projek pemeliharaan dan projek pemberbaikan yang diperlukan bagi setiap kemudahan kompleks sukan. Antara inisiatif yang sedang diterokai pada masa ini termasuklah penggunaan tenaga *solar* untuk menjimatkan kos operasi dan pembinaan atap gelanggang luar bagi memastikan fasiliti ini lebih mesra pengguna dan boleh digunakan dalam pelbagai keadaan cuaca bermakna apa-apa peralatan-peralatan di sana atau adalah terlindung dan tidak mudah rosak akibat *element-element* cuaca dengan adanya pengatapan dan sebagainya. Kaola bersetuju bahawa pengurusan kompleks sukan tidak hanya sepatutnya bergantung penyelenggaraan rutin saja tapi perlu juga bersifat progresif, lestari dan inklusif.

Untuk memastikan pembangunan fasiliti sukan yang lebih mampan dan menyeluruh Kementerian abiskaola sangat mengalu-alukan pendekatan negara *whole-of-nation approach* dengan melibatkan pelbagai pihak

termasuklah sektor swasta dan syarikat berkaitan kerajaan sebagai rakan strategik melalui inisiatif tanggungjawab sosiokoprat serta meneroka inisiatif kerja awam dan swasta atau apa yang kita kenali sebagai (*PPP*) bagi menaik taraf dan membangunkan prasarana sukan yang memenuhi piawaian antarabangsa.

Suka kaola kongsikan juga ada diantara-antara kemudahan sukan kita yang ada ini pada satu masa dulu apabila ia mula dibangunkan memenuhi kehendak piawaian antarabangsa tapi tempoh yang sudah beredar, masa yang beredar dan tahap piawaian antarabangsa yang dulu nya kita penuhi pun sudah meningkat dan pada Ketika ini ada terdapat sebahagiannya yang kita tidak dapat memenuhi keperluan piawaian antarabangsa. Jadi ini amat menyukarkan jika sekiranya kita hasrat untuk menjadi tuan rumah kepada mana-mana sukan di peringkat antarabangsa jadi apa yang perlu kita lakukan masa ani adalah mengambil langkah-langkah untuk memberi penambah baikkan, *upgrading*, penaik tarafan yang pastinya memenuhi piawaian-piawaian antarabangsa ini supaya apapun pelaburan kitani untuk menambah baik dan menaik taraf akan berbaloi tidak akan rugikan kerajaan kerana kita tidak dapat menggunakan kemudahan atau sebagai untuk menjadi tuan rumah kepada sukan-sukan di peringkat antarabangsa.

Kementerian kaola juga sedang meneroka komplek-komplek sukan yang berpotensi untuk dibukakan tawaran

bagi projek penswastaan kepada pihak swasta atau organisasi tertentu bagi tujuan aktiviti sukan, kejohanan serta program pembangunan sukan yang lebih sistematik.

Kemudian Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua, kaola beralih kepada soalan daripada Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann yang mana kaola berterima kasih diatas cadangan Yang Berhormat berikan dan Kementerian ini sudah setentunya menyambut baik mengenainya. Terlebih dulu dikongsikan peranan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan pengurusan bencana adalah untuk memeduli hal ehwal kebajikan kesejahteraan mangsa, mangsa yang terjejas akibat bencana dengan memastikan bantuan dapat dihulurkan segera dan tempat perlindungan disediakan, tempat perlindungan yang selesa. Ini dicapai melalui tiga jenis bantuan iaitu kewangan, pusat penempatan sementara dan penyediaan penghantaran catuan makanan. Bantuan-bantuan ini dihulurkan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat iaitu JAPEM mengikut kriteria dan syarat yang ditetapkan penilaian bantuan bencana.

Khusus untuk bantuan bencana banjir, garispandu JAPEM menetapkan bantuan kewangan berjumlah \$500 yang hanya akan diberikan jika bahagian induk rumah, dapur dan bahagian yang tetap didiami terjejas iaitu rumah yang ditenggelami air pada paras 1 kaki atau lebih di dalam rumah.

Satu kaki bermakna 0.3 meter. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui prosedur kerja Jabatan Pembangunan Masyarakat memang melaksanakan *on-site observation* atau lawatan kerja ke tempat-tempat yang terjejas untuk membuat penilaian keadaan situasi sebenar bagi memastikan intervensi yang bersesuaian dan bertepatan dan juga berdasarkan laporan daripada penghulu dan ketua kampung dan agensi-agensi lain yang terlibat. 0.3 meter yang disebutkan oleh Yang Berhormat atau sebenarnya memanglah sebagai panduan, tetapi ini tidak bermakna kitani tidak akan mengelinga mana-mana pun aduan, kerosakan-kerosakan akibat banjir dan sebagainya.

Jadi, penilaian lawatan kunjungan *on-site observation*, penilaian memang di buat dari semasa ke semasa dan ianya bolehlah dilaporkan daripada institusi mukim dan kampung. Bantuan ini hanya bertujuan untuk meringankan beban mangsa-mangsa kejadian bencana dan bukannya untuk menggantikan kerosakan rumah atau harta benda yang terjejas akibat kejadian tersebut kerana penggantian-penggantian serupa atau lazimnya di buat oleh syarikat-syarikat insurans dan sebagainya dan JAPEM tidaklah berhasrat untuk menjadi salah sebuah syarikat insurans.

Sehubungan itu, pemilik rumah adalah sentiasa disarankan, digalakkan untuk mendapatkan perlindungan insurans. Sepertimana juga insurans kenderaan

dapat memberikan perlindungan kewangan sekiranya berlaku kemalangan, apatah lagi insurans rumah kerana ia dapat memberikan perlindungan terhadap kerugian harta benda atau kewangan akibat kejadian yang tidak dijangka. Walau bagaimana pun, insya-Allah dasar-dasar bantuan dan syarat-syarat penilaian bantuan bencana akan *review*, diteliti semula mengikut kesesuaianya dan penelitian ini akan diusahakan dengan konsultasi dan perundingan bersama pihak-pihak yang berkepentingan khususnya pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri seperti Jabatan Daerah, dan Jabatan Bomba dan Penyelamat bagi memastikan intervensi-intervensi bantuan bagi mangsa bencana alam seperti banjir dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Kaola beralih kepada soalan daripada Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan. Sekali lagi, kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan atas pertanyaan mengenai Akademi Seni Budaya Brunei. Rancangan Kemajuan Negara, RKN Ke-12 telah meluluskan peruntukan sebanyak \$31.75 juta bagi menjadikan bangunan bekas Radio Television Brunei dan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka di Bandar Seri Begawan menjadi *Hab Industri Kreatif* dan *Budaya* atau *CCI* termasuk pembangunan Akademi Seni Budaya Brunei.

Sejak sesi mesyuarat yang lepas, kementerian ini telah menjalankan

pelbagai usaha bagi merealisasikan akademi ini termasuk penyediaan buku kurikulum seperti Yang Berhormat timbulkan tadi. Buku kurikulum Akademik Seni Budaya Brunei merupakan salah satu rujukan utama dalam melestari Seni Budaya Brunei. Satu kajian dasar telah dilaksanakan pada tahun lepas juga yang menilai kesan industri kebudayaan dan kreatif di negara ini sebagai salah satu strategi untuk menyumbang kepada pembelagaian ekonomi negara. Sehingga kini, beberapa langkah pelaksanaan telah dijalankan bagi memastikan hab dan Akademi Seni Budaya ini dapat kita realisasikan. Antaranya, satu mesyuarat *kick-off* projek telah diadakan diikuti dengan sesi taklimat teknikal, kajian reka bentuk, dan penyediaan keperluan infrastruktur hab Industri Kebudayaan dan Kreatif termasuk akademi. Dalam meneliti keperluan ini, sudah setentunya kita akan membuka konsultasi dengan *stakeholders* termasuk kepada belia-belia yang berkecimpung dalam industri kreatif ini kerana tanpa *inputs* dan saranan atau pun cadangan daripada golongan yang setentunya yang menggunakan kemudahan atau nanti mungkin keperluan-keperluan sebenar tidak dapat diperolehi, dipenuhi jadi maka itu sangat penting untuk kita membuka ruang untuk mendapatkan input-input dan *feedback* pada projek yang berkenaan.

Kaola beralih kepada, mohon izin Yang Di-Pertua, kalau masih ada masa mohon izin untuk meneruskan. kepada soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji

Md. Salleh bin Haji Othman, mengenai dengan pemuliharaan dan pemeliharaan warisan bersejarah Brunei dan juga perancangan ke arah memartabatkan nilai-nilai sejarah jeti-jeti lama.

Pada masa ini, beberapa monumen dan tapak bersejarah telah dikenal pasti untuk diwartakan sebagai langkah pemeliharaan warisan negara. Pewartaan ini merangkumi bangunan-bangunan kerajaan yang telah dikenal pasti ah, sekolah-sekolah, masjid, bangunan masjid, tugu, taman dan tapak yang berusia lebih daripada 50 tahun, berdasarkan kriteria nilai sejarah, seni bina, budaya pembelajaran dan potensi ekonomi. Setakat ini, sebanyak 104 monumen dan tapak bersejarah telah pun disenaraikan dengan pecahan 68 di Daerah Brunei dan Muara, 11 di Daerah Tutong, 20 di Daerah Belait dan 5 di Daerah Temburong. Langkah ini sebenarnya bertujuan untuk memastikan warisan sejarah terus dilestarikan dan diwariskan kepada generasi yang akan datang.

Bagi mempertabatkan nilai sejarah jeti lama di Kampung Kuala Tutong dan Kampung Danau, kerajaan sedang merancang usaha pemuliharaan dengan kerjasama Jabatan Muzium-Muzium dan Jabatan Kerja Raya. Jeti ini memainkan peranan penting sebagai laluan utama sebelum wujudnya jalan raya yang menghubungkan pekan-pekan utama pada tahun 30-an hingga 50-an pada waktu itu kebanyakan kitani di dalam Dewan ani masih lagi belum ada.

Jadi nilai sejarahnya sudah tentunya tidak ternilailah. Antara cadangan pemuliharaan termasuk pembinaan papan tanda sejarah, penyediaan papan tanda keselamatan serta kerja-kerja baik pulih struktur jeti yang kini dalam keadaan usang dan tidak selamat digunakan. Langkah ini diharap akan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan warisan sejarah dan memberi manfaat kepada sektor pelancongan budaya di kawasan tersebut. Langkah seterusnya kerajaan juga berusaha untuk mendapatkan pengiktirafan *UNESCO* bagi tapak-tapak warisan negara. Sehingga kini Masjid Omar 'Ali Saifuddien telah dimasukkan dalam senarai tentatif *ISESCO* sebagai persiapan awal sebelum pencalonan ke *UNESCO*. Jadi sedikit masa lagi kitani akan melihat Masjid Omar 'Ali Saifuddien ani tersenarai dalam, apa namanya, *UNESCO* punya senarai. Ini nanti, Negara Brunei akan mendapat manfaat dari segi peningkatan daya tarikan pelancongan warisan, pemuliharaan yang lebih sistematik serta peluang untuk kitani bekerjasama dengan pakar warisan antarabangsa dalam memastikan tapak bersejarah seperti ini terus terpelihara.

Yang Berhormat Pengurus kalau masih boleh kaola meneruskan sedikit, ada sedikit lagi, mungkin yang selebihnya mungkin inda sampat.

Kaola beralih kepada soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub mengenai dengan perancangan mewujudkan

sebuah galeri sebagai wadah mengetengahkan warisan sejarah budaya dan kesenian Daerah Tutong. Sekali lagi kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub atas persoalan yang diajukan. Kaola sukacita mengongsikan bahawa Jabatan Muzium-Muzium kini memberi keutamaan kepada projek yang sedang dilaksanakan, ertinya bermakna projek yang dalam *pipeline* pada masa ani. Insya-Allah, cadangan untuk menyediakan galeri ani sudah setentunya akan diteliti dan dipertimbangkan bersama pihak Pejabat Daerah yang berkenaan dengan mengambil kira keperluan perancangan yang lebih teratur khususnya dari segi lokasi, pengisian termasuk peruntukan, jadi insya-Allah perkara ani akan diteliti.

Kaola beralih kepada soalan daripada Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir mengenai dengan prestasi peratus penerima keluar dari program bantuan. Kaola juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir atas persoalan mengenai penerima bantuan yang keluar ataupun *graduate*. Merujuk kepada penerima yang keluar dari program bantuan, kaola ingin mengongsikan bahawa data yang tersedia di Jabatan Pembangunan Masyarakat adalah jumlah dan juga peratus penerima bantuan kebajikan bulanan yang setelah diteliti dan ditunduki, jumlah ini tidak lagi layak untuk menerima bantuan kerana ianya

terkeluar daripada syarat-syarat kelayakan.

Seperti contoh mempunyai pendapatan bulanan yang melebihi kadar Kos Minima Keperluan Asas, KMKA. Mungkin sewaktu ia mula-mula memohon dulu, kadarnya atau di bawah KMKA, tapi apabila ia pembaharuan dan sebagainya ianya diteliti semula, kadar KMKAnya sudah melebihi kadar KMKA yang ditetapkan, jadi ini bermakna ia tidak lagi berkelayakan. Untuk menganggapnya sebagai *graduation* mungkin definisi itu lebih luas lah barangkali. Jadi dikongsikan juga bahawa pada tahun 2024, seramai 180 penerima bantuan, BKB daripada 2,441, iaitu sebanyak 7.4% telah keluar dari program bantuan. Secara keseluruhannya jumlah penerima bantuan kebajikan bulanan menujukkan trend penurunan dari tahun 2021 hingga 2023.

Di mana angka penerima menurun daripada 3,838 orang pada tahun 2021 kepada 2,161 orang pada tahun 2023. Faktor penurunan ini adalah keberkesanannya program-program intervensi yang abiskaola telah terangkan melalui Kenyataan Menteri sebelum ini, yang menggariskan pelaksanaan dan perancangan strategik pembasmian kemiskinan seperti program keusahawanan dan pekerjaan, program latihan kemahiran dan meningkatkan kebolehpasaran termasuk juga program-program bantuan pendidikan khususnya bagi anak-anak penerima bantuan.

Oleh yang demikian, kaola tidak akan mengulangi lagi maklumat-maklumat tersebut secara terperinci dan kaola sudah jua mengelilingkan salinan Kenyataan Menteri.

Berkaitan dengan penglibatan pihak swasta dalam strategi pembasmian kemiskinan. Kementerian abiskaola akan terus bekerjasama dengan lebih erat dengan pihak swasta dan membuka ruang seluas-luasnya bagi semua pihak-pihak yang ingin bekerjasama dalam perkara ini. Pertama, pengukuhan program latihan kemahiran untuk menyediakan latihan kemahiran yang relevan dengan permintaan dan keperluan sebenar industri atau sektor-sektor yang berkaitan bagi memastikan kebolehpasaran penerima bantuan.

Kedua, peningkatan peluang pekerjaan untuk membuka lebih banyak peluang pekerjaan bagi golongan yang memerlukan bantuan, khususnya dalam sektor yang berkembang seperti teknologi-teknologi baharu dan juga sektor-sektor perkhidmatan; dan Ketiga, sokongan keusahawanan. Ini akan diperkuuh kerjasama dalam bidang ini dengan sektor swasta untuk menyediakan sumber dan platform bagi penerima bantuan untuk menceburi bidang keusahawanan seperti penyediaan modal permulaan, latihan pengurusan perniagaan dan rangkaian pemasaran.

Suka kaola memberi contoh di sini, melalui Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan dan agensi-agensi kerajaan

yang lain memang ada *grant-grant* yang telah pun disediakan dari berbagai pihak. Khususnya matlamat dan objektifnya adalah untuk membantu supaya pihak-pihak golongan ani mempunyai modal, modal yang bersesuaian untuk meneruskan usaha mereka. Tapi dalam masa yang sama, kita sudah setentunya tidak ingin juga melihat golongan-golongan ini akan terus-menerus bersandar dan bergantung kepada *grant* ataupun bantuan-bantuan seperti ini.

Tiba pada satu masa nanti mereka akan, perusahaannya atau akan tumbuh, akan berkembang dan tiba masanya ia boleh beralih daripada bergantung kepada modal yang disediakan melalui *grant* kepada modal ataupun pembiayaan secara pasaran yang disediakan oleh institusi-institusi kewangan kerana ani yang akan menjadi asas kepada kejayaan perusahaannya di suatu masa hadapan nanti. Jadi abiskaola melihat perkara ini, bantuan atau ada peringkat-peringkatnya, di peringkat permulaan, peringkat pertengahan dan kemudian di peringkat jangka panjang.

Jadi kita ingin melihat dan ini sebenarnya tidak mustahil. Pernah ada golongan daripada penerima bantuan yang asalnya menerima bantuan kebajikan dan mula menjalankan perusahaan menjual kain tenunan yang asalnya daripada satu unit sudah boleh bergerak menjadi dua unit dan tidak lagi menoleh ke belakang, tidak lagi mengharapkan bantuan yang bersandar kepada bantuan berbentuk *grant* malahan

pendapatannya sendiri stabil ini merupakan satu contoh dan pendorong kepada mana-mana pihak ataupun golongan-golongan lain yang dalam kedudukan yang sama.

Kemudian kaola sudah menyentuh tadi akses kepada pembiayaan, bekerjasama dengan institusi kewangan dan bank swasta untuk menyediakan akses yang lebih mudah kepada pembiayaan bagi penerima bantuan yang ingin memulakan perniagaan atau mengembangkan kemahiran. Jadi insya-Allah, kerjasama ani akan memastikan banyak peluang disediakan bagi penerima bantuan untuk berdikari, meningkatkan kualiti hidup mereka dan mengurangkan kebergantungan kepada bantuan kebajikan sebagaimana yang kaola sebut kan tadi. Pihak kerajaan akan terus komited memperkuuh peranan pihak swasta dalam memastikan keberkesanan dan kelestarian program-program serupa ini.

Yang Berhormat Pengurus. Kaola sebenarnya ada pulang lagi jawapan-jawapan tapi mungkin setakat ani saja barangkali dulu, jawapan-jawapan ani yang lain ani kaola sudah bersedia tapi anukan saja barangkali sebagai jawapan bertulis barangkali. Mungkin sampai di sini saja, sekian saja kaola ucapan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mengajukan soalan tadi dan Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang ada baiknya Tajuk ini kita tutup dan kita undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Nampaknya semua ahli bersetuju maka tajuk ini diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis: Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dijadikan sebahagian daripada jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira cukup sekian kita berunding dan berbincang pada hari ini, ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan, dan kita bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

Saya cadangkan supaya kita tangguhkan mesyuarat kita ini. Insya Allah kita akan bersidang semula pada hari Isnin,

17 Mac 2025 sebagaimana lazim mulai daripada jam 9.30 pagi.

Sekian. Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)